



Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KEDAH) JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

ROSHIMA BINTI HAJI SAID

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

FARAH MERICAN BINTI ISAHAK MERICAN

PENULIS :

1. NUR ZAINIE BINTI ABD HAMID
2. JUNAIDA BINTI ISMAIL
3. SYAFIZA SAILA BINTI SAMSUDIN
4. AFIDA BINTI AHMAD
5. MUSLIMAH BINTI MOHD JAMIL
6. NORIN RAHAYU BINTI SHAMSUDDIN
7. SAMSIAH BINTI BIDIN

8. SHAHIDA FARHAN BINTI ZAKARIA
9. ETTY HARNIZA BINTI HARUN
10. LAW KUAN KHENG
11. MOHD NAJMIE BIN OSMAN
12. JUAINI BINTI JAMALUDIN
13. NORLIANA BINTI MOHD NAJIB
14. ABDUL MAJEED BIN AHMAD
15. MAHADZIR BIN ISMAIL
16. AZLAN BIN ABDUL RAHMAN
17. FAZILLAH BINTI BOSLI
18. MUHAMMAD HANIF BIN OTHMAN
19. NABILA BINTI AHMAD
20. SITI NUR ALWANI BINTI SALLEH
21. INTAN SYAHRIZA BINTI AZIZAN
22. NOR ASLAH BINTI ADZMI
23. NURUL HAYANI BINTI ABD RAHMAN
24. FARAH MERICAN BINTI ISAHAK MERICAN
25. FARAH MERICAN BINTI ISAHAK MERICAN
26. MUSDIANA BT MOHAMAD SALLEH
27. SARLIZA BINTI SAARI
28. NOR ATHIRAH BINTI MOHD ZIN
29. MUZZALEENA BINTI MUSA
30. KHAIRUL WANIS BINTI AHMAD
31. NOORAINI BINTI KHASNI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2022, UiTMKDH dipimpin oleh mantan rektor iaitu Prof Dr Mohamad Abdullah Hemdi sehingga 14 Julai 2022 sehingga diambil alih oleh Prof Dr Roshima Haji Said bermula 1 Oktober 2022. Secara amnya, Pengurusan Kanan UiTMKDH dibentuk melalui dua lapisan atau strata pengurusan utama iaitu Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kampus dan Pengurusan Kanan Kampus. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTMKDH telah memilih **JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN** sebagai bidang tumpuan bagi laporan AKNC 2023 bersesuaian dengan tema '**UiTM Cawangan Kedah Membudayakan Aktiviti Keusahawanan**'. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak Pengurusan Kanan dan fokus utama adalah **JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN** di peringkat kampus, universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pengurusan Kanan sentiasa memantau dan memastikan keberkesanan perancangan dan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Antara fungsi utama Pengurusan Kanan UiTMKDH adalah merangka dan merencana dasar, program jangka pendek dan panjang untuk pembangunan universiti yang kondusif dan terancang. Pengurusan Kanan amat memberi penekanan terhadap **Perancangan (Plan)** inisiatif program dan projek yang dijalankan. Di antara mekanisme yang digunakan adalah melalui Pelan Strategik UiTM 2025, Amanat Tahun Baharu Menteri Pengajian Tinggi, Amanat Tahun Baharu Naib Canselor, Amanat Tahun 2022 Rektor, Mesyuarat Pengurusan Kanan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan. Perancangan ini termasuk pembentangan kertas kerja kepada Pengurusan Kanan untuk proses kelulusan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015–2025 telah dijadikan rujukan utama di dalam pelaksanaan setiap program dan diterjemahkan dengan Pengurusan Kanan melaksanakan mesyuarat yang berterusan dan berkala untuk memastikan kelancaran program yang dirancang.

Seterusnya, Pengurusan Kanan UiTMKDH telah melaksanakan tugas dan membuat keputusan pentadbiran berpandukan kepada perlembagaan dan peraturan-peraturan universiti serta kerajaan. Komitmen dan keterlibatan Pengurusan Kanan telah menyebabkan setiap **Pelaksanaan (Do)** program dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif. Kaedah turun ke lapangan telah menjadi amalan Pengurusan Kanan sebagai usaha mendapatkan input yang komprehensif dan terkini, khususnya mengenai permasalahan setiap program atau aktiviti yang dilaksanakan.

Pengurusan Kanan UiTMKDH sentiasa membuat **Pemantauan (Check)** bagi memastikan kejayaan **Perancangan (Plan)** dan **Pelaksanaan (Do)** setiap program. Pendekatan pemantauan secara berterusan telah menjadi amalan Pengurusan Kanan dengan mengamati perkembangan pelaksanaan rencana pembangunan, mengidentifikasi serta mengantisipasi permasalahan yang timbul dan/atau akan timbul supaya tindakan pembetulan dapat diambil secara proaktif. Pengurusan Kanan UiTMKDH mengamalkan kaedah penurunan kuasa atau *delegation* kepada semua PTJ untuk memantau **Perancangan (Plan)** dan **Pelaksanaan (Do)** sesuatu program yang melibatkan bahagian masing-masing. Ini telah membudayakan penglibatan semua ketua dan staf bagi menjayakan program atau aktiviti.

Pengurusan Kanan UiTMKDH mengambil pendekatan kebertanggungjawaban yang tinggi dan sentiasa meneliti setiap hasil daripada program yang telah dijalankan. **Tindakan Penambahbaikan (Act)** diambil sekiranya terdapat perbezaan di antara perancangan dan hasil. Pengurusan Kanan UiTMKDH mengamalkan dua kaedah pengumpulan maklumbalas iaitu pemerhatian di lapangan semasa program atau aktiviti sedang berjalan dan mesyuarat *post mortem* setelah selesai program. Sesungguhnya, Pengurusan Kanan sentiasa mengatur,

menyelaras dan memantau perkembangan universiti dalam segala hal pentadbiran dengan cara yang sistematik dan berkesan supaya dapat melonjakkan prestasi UiTMKDH dengan lebih cemerlang dan terbilang.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Asas dalam mencapai aspirasi dan objektif pemacuan kampus secara tahunan, setiap pelaksanaan pelan fokus dan tindakan semua bahagian dan unit di UiTMKDH memerlukan sokongan dan dorongan daripada Pengurusan Kanan Kampus.

Kepimpinan UiTMKDH dibentuk melalui dua lapisan atau strata pengurusan utama iaitu **Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kampus** dan **Pengurusan Kanan Kampus**. Pada tahun 2022, UiTMKDH dipimpin oleh **mantan rektor iaitu Prof Dr Mohamad Abdullah Hemdi sehingga 14 Julai 2023** dan rektor baru iaitu **Prof Dr Roshima Haji Said memulakan tugas pada 1 Oktober 2022 (KDHBUKTI 1_K1.2)**. Pengurusan Kanan UiTMKDH telah mengambil langkah-langkah proaktif dan strategik supaya semua pelaksanaan program dan aktiviti kampus mencapai impak maksima dan semua Petunjuk Prestasi (PI) yang diamanahkan kepada Cawangan Kedah. Bidang Tumpuan UiTMKDH pada tahun 2022 adalah berfokus kepada **JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN (KDHBUKTI 2_K1.2)** di mana melalui pendekatan yang diambil, Pengurusan Kanan UiTMKDH memperoleh pelbagai dimensi pandangan yang menjurus kepada pelaksanaan tindakan yang berorientasikan hasil.

Pendekatan yang menjadi amalan Pengurusan Kanan UiTMKDH dalam menjayakan program dan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan melibatkan mesyuarat, semakan di lapangan, dan maklumbalas pemegang taruh. Seterusnya, pelbagai aktiviti berkonsepkan **JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN** dicadangkan, dibincangkan, diluluskan dan dilaksanakan sehingga **ke peringkat nasional dan antarabangsa**. Kreativiti dan pelbagai penelitian diketengahkan semasa proses mesyuarat dan disebarikan ke seluruh warga kampus bagi memupuk persepakatan sebelum, sepanjang dan selepas pelaksanaan sesebuah projek.

Mesyuarat di UiTMKDH secara asasnya terbahagi kepada dua peringkat utama iaitu **Mesyuarat Pengurusan Tertinggi** dan **Mesyuarat Pengurusan Pertengahan** yang melibatkan mesyuarat peringkat bahagian / fakulti / unit / persatuan dalaman kampus. Kedua-dua peringkat mesyuarat ini dijalankan secara berkala dan mengikut **takwim tahunan** yang telah ditetapkan oleh setiap pengurus atau sekretariat mesyuarat yang terlibat (**KDHBUKTI 3_1.2**). Kedua-dua peringkat mesyuarat ini melibatkan penyertaan warga akademik dan bukan akademik serta juga melibatkan pelajar untuk mesyuarat peringkat persatuan pelajar dan yang berkaitan. Relevan keperluan mesyuarat pengurusan adalah supaya cadangan penganjuran serta kertas kertas aktiviti dan setiap pelaksanaan mestilah dilatari oleh objektif tahunan kampus dan selari dengan hala tuju yang ditetapkan.

Selain daripada pelaksanaan siri mesyuarat dan perbincangan yang berfokus dan menyeluruh, dalam memastikan agenda **Jaringan Industri dan Keusahawanan** tercapai, Pengurusan Kanan UiTMKDH juga turun ke lapangan bagi mendapatkan maklumbalas *first-hand*, dan mendapatkan maklumbalas daripada pemegang taruh. Tindakan Pengurusan Kanan UiTMKDH ini telah meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program di dalam kampus. Pendekatan turun ke lapangan dan mendapatkan maklumbalas pemegang taruh ini jelasnya telah memudahkan perjumpaan dan perbincangan dengan pemegang taruh dengan telus dan tanpa halangan prosedur-prosedur birokrasi yang merumitkan. Kaedah komunikasi secara terbuka juga memudahkan pelaksanaan penyaluran informasi dua hala. Dengan ini, proses pembuatan keputusan dalam pelbagai peringkat telah dipercepatkan dan seterusnya mewujudkan satu budaya kerja yang cekap, berkesan dan produktif. Hasil daripada pelaksanaan amalan turun ke lapangan dan mendapatkan maklumbalas pemegang taruh, UiTMKDH telah berjaya menjalinkan pelbagai bentuk kerjasama dengan organisasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2022 (**KDHBUKTI 4_K1.2**). Melalui dasar ini, UiTM Cawangan Kedah **berjaya menandatangani perjanjian persefahaman dengan universiti tempatan dan antarabangsa, badan-badan kerajaan negeri dan persekutuan, sekolah dan institusi pendidikan, pejabat wakil-wakil rakyat dan seterusnya jawatankuasa komunitisekitar kampus**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_K01_KB02_20231_KDHBUKTI 1_K1.2 Carta Organisasi Pengurusan Eksekutif UITMKDH.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB02_20232_KDHBUKTI 2_K1.2 Mesyuarat Pengurusan Eksekutif UITMKDH.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB02_20233_KDHBUKTI 3_K1.2_Takwin Mesyuarat Utama.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB02_20234_KDHBUKTI 4_K1.2 Senarai MoU_MoA UitmKDH.pdf](#)
- 5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perkongsian 67 bilangan **PI 2022 UiTMKDH** dikongsi oleh Unit Strategik dan Transformasi Universiti UiTMKDH. **PI** dijadikan **panduan bagi setiap tindakan perancangan dan pengendalian program (KDHBUKTI 1_K1.3)**. Justeru, Pengurusan Kanan UiTMKDH merangka pelbagai inisiatif dengan menjamin penyampaian program tumpuan dilestarikan di bawah tanggungjawab BHEA, BHEP, BPJI dan fakulti-fakulti. **Komunikasi secara top-down dan bottom-up** mewujudkan dialog dua hala menyampaikan hasrat, mendapatkan maklumbalas, mencari penyelesaian melalui perbincangan dan perkongsian seterusnya merangka, mensasarkan pencapaian dan memperkasakan aktiviti melalui perancangan, pelaksanaan, pemantauan, mengenalpasti risiko dan kajian semula diurus baik melalui pengendalian mesyuarat. Di UiTMKDH, Tier 3 (operasi) melibatkan **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** mesyuarat pengurusan paling tertinggi diikuti **Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia** dan **Mesyuarat Pengurusan Kanan** yang diadakan secara berkala dan mengikut takwim tahunan ditetapkan setiap pengurus atau sekretariat mesyuarat. Setiap peringkat mesyuarat melibatkan pemegang taruh UiTMKDH; staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar lazimnya terlibat dalam mesyuarat di peringkat persatuan. Pengendalian mesyuarat memastikan saluran maklumat berkaitan bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan disampaikan, perbincangan dibuat, cadangan diperuntukkan, keputusan dibuat dan diminitkan serta dihebahkan kepada semua warga kampus. Ke kerapannya membuka ruang penambahbaikan melalui perbincangan dan mengambilkira pandangan pelbagai pihak **(KDHBUKTI 2_K1.3)**. Ia juga dikendalikan oleh Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua-Ketua Fakulti melalui **mesyuarat peringkat jabatan**. **Penggunaan aplikasi teknologi** memaksimumkan penyebaran maklumat seiring perkembangan teknologi masa kini kepada kumpulan sasaran di dalam kampus dan komuniti di luar menjamin penyampaian bidang tumpuan dilestarikan **(KDHBUKTI 3_K1.3)**. **Facebook Rektor UiTMKDH dan laman sesawang rasmi UiTMKDH** merupakan medium hebahan program sejajar dengan kemajuan industri 4.0 menjadikan perluasan lebih pantas, interaktif, jelas dan spesifik.

Kolaborasi dengan pihak dalam dan luar universiti seperti syarikat-syarikat multinasional, badan-badan profesional dan *Government Linked Companies* (GLC) dengan **dasar pintu terbuka** menjadi pemudah cara dimanfaatkan kedua-dua pihak menjamin inisiatif dirangka dan diperkasakan kekal relevan dengan kehendak industri **(KDHBUKTI 4_K1.3)**. Bantuan kewangan, kepakaran dan logistik dicapai dan ternyata efisien. Kepimpinan UiTMKDH sentiasa komited memastikan keperluan sumber mencukupi dalam menyokong menjayakan bidang tumpuan dengan memastikan Panel Pembangunan Sumber Manusia berfungsi sepenuhnya. Malah, integrasi Bahagian PJI, HEP dan HEA membawa hasil. Warga bergerak aktif menjayakan setiap program. Peningkatan kualiti dan kuantiti program bidang tumpuan dipastikan oleh Kepimpinan UiTMKDH dengan bidang tumpuan diperluaskan melalui pelaksanaan **amanat rektor, mesyuarat, laman web UiTMKDH, laporan program dan dokumen daftar pengurusan risiko serta kajian semula**.

Inovasi pelaksanaan dan sistem pengurusan dipertingkatkan. **Penglibatan wakil MPP** di dalam MPK dilihat sebagai inovasi, membawa pelajar sebagai jemputan memberi ruang dan peluang melontarkan idea dan mendapat informasi secara terus. **Jawatankuasa Pemacu Kecemerlangan Kampus** menjayakan perencanan aktiviti kampus dengan memastikan objektif kecemerlangan UiTMKDH tercapai dan jaminan peningkatan kualiti sesebuah program dihasilkan. Di samping itu, kajian kepuasan bekerja, pemantauan melalui **audit dalam** dan **sistem pelaporan bagi ukuran pencapaian** dan instrumen diadakan bagi menilai tahap produktiviti serta mengenalpasti permasalahan agar **program mitigasi risiko** dilaksanakan dengan segera. Dengan ini, jalinan industri dan keusahawanan bergerak efektif dan optimal melahirkan graduan yang dinamik dan cemerlang serta melonjak pencapaian pentadbiran Pengurusan Kanan UiTMKDH **(KDHBUKTI 5_K1.3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB03_20231_KDHBUKTI 1_K1.3_PELAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB03_20232_KDHBUKTI 2_K1.3_MESYUARAT.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB03_20233_KDHBUKTI 3_K1.3_PENGGUNAAN APLIKASI TEKNOLOGI.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB03_20234_KDHBUKTI 4_K1.3_KOLABORASI.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB03_20235_KDHBUKTI 5_K1.3_INOVASI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMKDH telah menjalankan pemantauan melalui pelbagai kaedah seperti berikut:

Mesyuarat Berkala

Pengurusan Kanan terlibat dalam proses pemantauan melalui pelbagai mesyuarat pusat seperti **MJEN, MPK, JAN, MKSP, Mesyuarat Kakitangan Akademik, TAPA, MJPPP dan MJPKA (KDHBUKTI 1_K1.4.1)**. Mesyuarat seperti ini sangat penting untuk membolehkan pemantauan yang optima dapat dilakukan oleh Pengurusan Kanan..

Audit yang Berterusan dan Berkala

Pengurusan Kanan melakukan pemantauan yang lebih mantap menerusi **Audit Dalaman dan Audit Auar IQMS**. Audit dalaman telah dilaksanakan sebanyak **2 kali iaitu Siri 1 : 10 - 14 April 2022 dan Siri 2 : 30 Ok - 3 Nov 2022**. Manakala, **Audit Luar IQMS Cycle 5** dilaksanakan pada **7-9 Nov 2021** serta **Audit Lokasi IQA yang dilaksanakan pada 27 Jan 2022 (KDHBUKTI 2_K1.4.1)**. Dalam memastikan proses pengauditan secara berkesan, Pengurusan Kanan telah melatih pasukan juruaudit yang bertauliah **seramai 39 staf (KDHBUKTI 2_K1.4.1)**. Hasil laporan audit dibentangkan kepada Pengurusan Kanan dalam mesyuarat MKSP Siri 1 dan Siri 2, sebagai platform tindakan pencegahan dan penyelesaian masalah kampus.

Penglibatan Secara Langsung

Pengurusan Kanan juga terlibat secara langsung dalam program yang dianjurkan seperti Majlis Menandatangani MoA dan MoU dengan pihak universiti luar negara, agensi kerajaan dan pihak swasta **(KDHBUKTI 3_K1.4.1)**. Ia membantu Pengurusan Kanan untuk memantau dari segi jaringan industri yang dilakukan dan memastikan PI yang disasarkan tercapai.

Sistem Pelaporan yang Sistemik

Laporan PI yang disediakan oleh Unit Strategik dan Tranformasi Universiti UiTMKDH secara berkala **(KDHBUKTI 4_K1.4.1)** sepanjang tahun menjadi alat Pengurusan Kanan memantau prestasi setiap unit dan bahagian. Penggunaan Sistem Maklumat Aktiviti Bersepadu (i-Aktiviti) di dalam iKedah **(KDHBUKTI 4_K1.4.1)** merupakan contoh di mana proses pemantauan dapat dijalankan dengan berkesan oleh Pengurusan Kanan. Kewujudan Jawatankuasa Pemacu Kecemerlangan Kampus **(KDHBUKTI 4_K1.4.1)** oleh Pengurusan Kanan merupakan langkah proaktif untuk memastikan semua objektif aktiviti dan program tercapai dan menyumbang kepada pencapaian PI UiTMKDH.

Bimbingan Berterusan (Latihan Dan Seminar)

Pengurusan Kanan telah menggunakan konsep bimbingan untuk melonjakkan semangat dan keyakinan warga UiTMKDH. Selain daripada memberi bimbingan secara langsung, Pengurusan Kanan telah memperuntukkan sejumlah bajet untuk menyediakan pelbagai bentuk seminar, bengkel dan latihan demi memastikan setiap staf dapat mempelajari teknik, pengetahuan dan kemahiran baru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. **(KDHBUKTI 5_K1.4.1)**

SENARAI BUKTI.

1. [K0055_K01_KB04_KC01_20231_KDHBUKTI 1_K1.4.1_Pelbagai Mesyuarat Pusat Yang Melibatkan Pengurusan Kanan.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB04_KC01_20232_KDHBUKTI 2_K1.4.1_Pengauditan dan Juruaudit.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB04_KC01_20233_KDHBUKTI 3_K1.4.1_Majlis MOA dan MOU.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB04_KC01_20234_KDHBUKTI 4_1.4.1_Laporan PI, Sistem iKedah dan Jawatankuasa Pemacu Kecemerlangan Kampus.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB04_KC01_20235_KDHBUKTI 5_K1.4.1_Bengkel.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelan risiko yang dibentuk dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMKDH (**KDHBUKTI 1_K1.4.2**) untuk membolehkan proses pengawalan risiko dapat dilakukan dengan baik dan berkesan. Pengurusan Kanan dibantu oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko untuk mengawal dan memantau risiko yang berlaku di dalam dan luar UiTMKDH. Mesyuarat jawatankuasa ini diadakan sebanyak empat kali sepanjang tahun 2022 bersama di dalam Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) untuk membolehkan pihak Pengurusan Kanan mengetahui keadaan risiko yang dihadapi oleh setiap bahagian dan unit di UiTMKDH. Hasil perbincangan di dalam mesyuarat ini membolehkan Pengurusan Kanan bertindak dengan lebih agresif untuk merancang tindakan pencegahan risiko yang dihadapi oleh UiTMKDH (**KDHBUKTI 2_K1.4.2**). Setiap bahagian dan unit perlu melaporkan tahap risiko di bahagian unit dan bahagian masing-masing melalui Sistem eRMS untuk membolehkan Pengurusan Kanan untuk mengetahui tahap risiko yang dihadapi oleh UiTMKDH dari masa ke semasa (**KDHBUKTI 3_K1.4.2**). Hasil laporan Jawatankuasa Pemilik Risiko menunjukkan bahawa UiTMKDH hanya menghadapi 61 risiko bagi tahun 2022 (**KDHBUKTI 4_K1.4.2**). Daripada 61 risiko yang dihadapi, terdapat 10 risiko yang diklasifikasikan sebagai Kategori Strategik. Kategori strategik diberikan keutamaan dan perhatian oleh Pengurusan Kanan kerana ia memberi ancaman terhadap pencapaian objektif dan halatuju UiTMKDH. Manakala pada tahun 2022, jumlah bilangan kes di tahap risiko ekstrem adalah 5. Tahap risiko ekstrem adalah risiko yang diambil tindakan segera dan penyelesaian perlu dilakukan dalam tempoh sebulan (**KDHBUKTI 5_K1.4.2**). Laporan yang dihasilkan menunjukkan ada 4 kes tahap risiko ekstrem berlaku di Hal Ehwal Akademik (HEA) dan satu lagi di Bahagian Fasiliti. Menerusi laporan ini, ia membantu Pengurusan Kanan untuk memberi fokus kepada risiko yang ekstrem yang berlaku di HEA dan Bahagian Fasiliti dan memastikan tindakan pengawalan dan penyelesaian yang telah diambil oleh Bahagian dan Unit yang bertanggungjawab. Selain daripada Jawatankuasa Pemilik Risiko, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri turut membantu Pengurusan Kanan untuk mengenalpasti dan mengawal risiko yang berlaku. Fungsi utama tiga Jawatankuasa yang risiko dibentuk oleh Pengurusan Kanan di UiTMKDH telah menjamin segala proses proses, aktiviti dan program dapat dilaksanakan dengan baik pada tahap risiko yang paling minima.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB04_KC02_20231_KDHBUKTI 1_K1.4.2_Jawatankuasa Pemilik Risiko.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB04_KC02_20232_KDHBUKTI 2_K1.4.2_Carta Alir Merancang Tindakan Pencegahan Risiko.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB04_KC02_20233_KDHBUKTI 3_K1.4.2_Laporan Tindakan Pencegahan Risiko.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB04_KC02_20234_KDHBUKTI 4_K1.4.2_Laporan Jumlah Risiko.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB04_KC02_20235_KDHBUKTI 5_K1.4.2_Jadual Tindakan Kawalan Risiko.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Unit Strategik dan Tranformasi Universiti UiTMKDHD telah melaporkan Semak Semula Perancangan Strategik untuk menilai pencapaian PI oleh setiap bahagian dan unit (**KDHBUKTI 1_K1.4.3**) pada tahun 2022 untuk membolehkan Pengurusan Kanan merancang dan mengambil inisiatif untuk memperbaiki prestasi pada tahun 2023. Di samping itu, hasil audit dalaman dan luaran yang juruaudit yang bertauliah, laporan daftar risiko oleh Jawatankuasa Pemilik serta Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi tahunan yang disediakan oleh Unit Strategik dan Transformasi Universiti (**KDHBUKTI 2_K1.4.3**) telah membolehkan Pengurusan Kanan menganalisa pencapaian kampus khas dari segi aspek **Jaringan Industri dan Keusahawanan**.

Inisiatif UiTMKDHD mewujudkan satu sistem bersepadu yang dikenali sebagai **iKedah** yang mengandungi 6 kategori sistem **iAduan, iTempah, iAktiviti, iSaman, iAkademik dan iPelanggan** bagi membolehkan pihak Pengurusan Kanan menganalisa aduan, pendapat dan maklum balas yang diterima daripada pelbagai menerusi **eRespon** dan **eAMP (KDHBUKTI 3_K1.4.3)**. Manakala, Sistem i-Aktiviti yang diwujudkan oleh UiTMKDHD untuk membolehkan hasil laporan setiap aktiviti dan program dapat dianalisa dengan lebih cepat, tepat dan sistematik oleh Pengurusan Kanan sehingga prestasi warga UiTMKDHD dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Pengurusan Kanan juga menggalakkan penganjuran bengkel semakan dan pemurnian, program pementapan halatuju dan integriti serta penanda aras (**KDHBUKTI 4_K1.4.3**) untuk membolehkan warga UiTMKDHD memperbaiki kelemahan dan memperkukuhkan kekuatan yang sedia ada demi mencapai produktiviti pada tahap yang optimum. Pengurusan Kanan memberi peruntukan dari segi kewangan telah menunjukkan sokongan pada yang diberikan kepada warga UiTMKDHD untuk merealisasikan objektif dan matlamat UiTMKDHD sehingga kedudukan UiTMKDHD dapat dilonjakkan pada tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang dari masa ke semasa.

Seterusnya, hasil daripada kajian kepuasan bekerja (**KDHBUKTI 5_K1.4.3**) yang dijalankan di kalangan staf UiTMKDHD telah memberikan input yang sangat bernilai dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Kanan untuk meninjau semula persekitaran kerja di kalangan staf. Pengurusan Kanan sentiasa prihatin tentang kepuasan kerja warga UiTMKDHD. Proses dan tanggungjawab kerja yang membebankan dikurangkan ataupun dihapuskan demi memastikan warga UiTMKDHD dapatkan meningkatkan produktiviti kerja dan pada waktu yang sama, tahap kepuasan dan kesihatan juga terjamin dalam usaha merealisasikan objektif dan matlamat UiTMKDHD.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB04_KC03_20231_KDHBUKTI 1_K1.4.3_Bengkel Pelan Tindakan Strategik.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB04_KC03_20232_KDHBUKTI 2_K1.4.3_Laporan Audit.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB04_KC03_20233_KDHBUKTI 3_K1.4.3_Sistem i_KEDAH \(Sistem Bersepadu UiTM Kedah\).pdf](#)
4. [K0055_K01_KB04_KC03_20234_KDHBUKTI 4_K1.4.3_Bengkel Semakan dan Pemurnian.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB04_KC03_20235_KDHBUKTI 5_K1.4.3_Kajian Kepuasan Bekerja.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penetapan matlamat, nilai, hasil dan kebertanggungjawaban Pengurusan Kanan UiTMKDH melalui **Amanat Tahun Baharu YB Menteri Pengajian Tinggi Tahun 2022, Amanat Tahun Baharu Naib Canselor UiTM 2022, Amanat Tahun Baharu 2022 Rektor UiTM Cawangan Kedah, Takwim USTU 2021/2022, Pelan Strategik UiTM, Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia (2015-2025), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**, dasar negara mengenai **Industri 4.0** dan matlamat global untuk Pembangunan Mampan (**17 SDG**) menjadi teras dan **penanda aras** kepada tindakan, pengagihan sumber dan membuat keputusan yang efektif dalam mencapai objektif strategi. Ia diintegrasikan ke dalam pembangunan **MyATP dan MyRA** dipenuhi jabatan dan staf sebagai mekanisme pengukuran prestasi universiti serta meningkatkan kualiti kerja (**KDHBUKTI 1_K1.5**).

Budaya mesra komuniti diamalkan oleh Pengurusan Kanan UiTMKDH. Komunikasi telus dan kurang birokrasi memudahkan **perbincangan, keputusan dan saluran informasi dua hala dengan pemegang taruh**. **KDHBUKTI 2_K_1.5** membuktikan kejayaan **kolaborasi strategik** UiTMKDH dimeterai; **Kolaborasi Strategik Batik Merbok peringkat Malaysia** bertemakan "UiTMKDH membudayakan aktiviti keusahawanan" dan **Kolaborasi Strategik MASMED bersama Nescafe Hub meraih tempat kedua Nescafe Youth Entrepreneur Programme 2022. Perjanjian MoU/MoA peringkat antarabangsa**; Universiti Antarabangsa Balkan, Universitas UNISBA dan Universitas Tanjungpura Indonesia, menjadi bukti inisiatif dijalankan bersama. Reputasi UiTMKDH meningkat sebagai institusi progresif dan interaktif dengan jaminan tawaran optimum kepakaran dan warga UiTMKDH yang kompeten.

Amalan dan pembudayaan perkongsian ilmu juga menjadi pemangkin. Kepakaran Pengurusan Kanan sebagai **pakar rujuk dan visiting lecturer** meningkatkan imej UiTMKDH (**KDHBUKTI 3_K1.5**). Selain itu, bukti kecekapan dan keberkesanan Pengurusan Kanan UiTMKDH menggerakkan bidang tumpuan adalah dengan memberi **pengiktirafan dan sanjungan** melalui Majlis Hari Kualiti & Inovasi sekaligus menggalakkan inisiatif segmen ini berterusan kerana mampu **menjana pendapatan**. Pengurusan Kanan menyediakan ruang perniagaan dengan kadar sewa yang berpatutan. Peluang pekerjaan ditawarkan kepada ibu tunggal di kiosk Kelab Pewani dan pelajar asnaf di Dataran MASMED dan Nescafe Hub, diuruskan oleh MASMED UiTMKDH memberi kelebihan kepada warga dan UiTMKDH mencapai visi, misi serta objektif universiti. (**KDHBUKTI 4_K1.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB05_20231_KDHBUKTI 1_K1.5_PENANDA ARAS.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB05_20232_KDHBUKTI 2_K1.5_BUDAYA MESRA KOMUNITI.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB05_20233_KDHBUKTI 3_K1.5_AMALAN PEMBUDAYAAN ILMU.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB05_20234_KDHBUKTI 4_K1.5_PENGIKTIRAFAN DAN SANJUNGAN.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2022 meletakkan “Kompetensi/Kecekapan Global” (***Globally Competent University***) sebagai tema khusus dalam menggerakkan gelombang perancangan dan pengurusan strategik UiTM secara keseluruhannya berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 khususnya dan juga Rancangan Malaysia ke-12 amnya. Ini merupakan kesinambungan daripada tema Penjenamaan Global dan Perkongsian Pintar 2021 (***Global Branding and Smart Partnership***) yang sarat dengan cabaran Pandemik COVID-19. Dalam mendepani pasca Pandemik COVID-19 yang masih dibelenggu dengan ketidakpastian, saranan “***Reset***”, “***Recover***” dan “***Restore***” oleh Y.Bhg. Dato’ Naib Canselor UiTM digerakkan bagi memacu aspirasi dan matlamat strategik UiTM menjadi universiti terkemuka dunia, iaitu “***Globally Renowned University (GRU)***” menjelang 2025.

Asasnya, halatuju strategik kampus diterjemahkan dalam Pelan Tindakan Strategik (SAP) berdasarkan kerangka PDCA. Bermula dengan **PERANCANGAN**, iaitu menetapkan 46 Projek Khas dalam SAP 2022 yang jelas (*visible*), berdaya tahan (*resilient*), boleh dicapai (*achievable*) dan luwes (*flexible*) menjamin ketekalan (*consistency*) dalam proses membuat keputusan serta usaha pemacuan gerak kerja bagi menyokong 67 Petunjuk Prestasi (PI) tahun 2022. Keluwesan inisiatif strategik SAP berasaskan keterangkuman tema dan halatuju strategik kampus iaitu “***Melonjak Kecemerlangan UiTM Cawangan Kedah***” yang sentiasa menyokong slogan Pelan Strategik UiTM 2025, iaitu “***Menyerlahkan Potensi, Membentuk Masa Hadapan***”, ia diyakini berupaya memacu sinergi warga kampus mengekalkan pencapaian prestasi 6 bintang tahun 2021. Hasilnya, **PELAKSANAAN** inisiatif utama berkaitan ***Jaringan Industri dan Keusahawanan*** menjadi wahana kepada pelajar dan staf merealisasikan pelan tindakan strategik kampus. Selain komitmen warga kampus, penerimaan masyarakat dan kerjasama daripada rakan-rakan strategik telah berjaya membina dan mengukuhkan imej dan reputasi universiti. Dalam keadaan seluruh dunia masih terkesan akibat Pandemik COVID-19, UiTMKDH sentiasa bersiaga mengambil langkah proaktif terhadap setiap implikasi dan risiko inisiatif strategik SAP Kampus. Justeru, dalam konteks **PEMANTAUAN**, usaha mengenal pasti risiko yang berpotensi berlaku seperti disenaraikan dalam SAP Kampus telah memudahkan beberapa risiko seperti risiko reputasi universiti, kewangan dan operasi dikendalikan dengan baik, membolehkan pelaksanaan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan. Pemantauan berkala setiap suku tahun dilakukan bagi memastikan pencapaian setiap sukuan tahun sekurang-kurangnya mencapai 25 peratus. Justeru, **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** diambil bagi memastikan matlamat meletakkan kampus Kedah terkehadapan dalam ***Jaringan Industri dan Keusahawanan*** disempurnakan sesuai dengan pengiktirafan sebagai salah satu Kampus Keusahawanan UiTM yang terbaik. Semakan pencapaian prestasi PI dan SAP pada setiap suku tahun 2022 dilakukan bersama dengan pemantauan daftar risiko yang dipetakan dalam inisiatif strategik kampus bagi memastikan setiap inisiatif strategik tersebut dipacu sebaiknya agar mencapai sasaran yang ditetapkan. Ini merumuskan peranan serta sumbangan UiTMKDH dalam mendokong Wawasan dan Matlamat Strategik UiTM berdasarkan bidang tumpuan ***Jaringan Industri dan Keusahawanan*** dengan memberi fokus khusus kepada dua daripada tiga teras strategik, iaitu Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*) dan Kecemerlangan Global (*Global Excellence*).

Hasilnya, pemacuan prestasi PI 2022 kampus dipastikan tidak bercanggah dengan tiga kerangka strategik utama, iaitu *Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)*, *Pelan Strategik UiTM 2025* dan *SAP 2022 Kampus Kedah*. Setiap parameter strategik digemblengkan dalam pelbagai inisiatif strategik yang ditetapkan dalam SAP Kampus diterajui oleh semua bahagian, khususnya Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJI) melalui ICAN dan RMU, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) dan Pejabat Bendahari yang menyumbang secara signifikan untuk bidang tumpuan “***Jaringan Industri dan Keusahawanan***”.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Matlamat UiTM berstatus Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 secara konsisten menjadi pendorong kepada Perancangan Strategik 2022. Ia bersumberkan kepada Pelan Strategik UiTM2025 (**Rujuk:KDHBUKTI 1_K2.2**) yang menggariskan teras strategik utama universiti selain input Rancangan Malaysia ke-12 (**Rujuk:KDHBUKTI 1_K2.2**). Penggubalan Pelan Tindakan Strategik UiTMKDH 2022 bermula pada awal tahun selepas Amanat Tahun Baharu Menteri Pengajian Tinggi 2022, diikuti dengan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2022 yang menggariskan langkah-langkah strategik untuk menjayakan tema Kompetensi Global/Kecekapan Global 2022 (**Globally Competent University "GCU" 2022**) (**Rujuk:KDHBUKTI 2_K2.2**) Namun begitu, ia begitu mencabar memandangkan suasana persekitaran di seluruh negara pasca COVID-19 masih membataskan pilihan inisiatif strategik untuk melonjak kecemerlangan universiti dengan kekangan pelbagai sumber yang terhad.

Walau bagaimanapun, bertitik tolak daripada Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2022, Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTM Kedah mengadakan Sesi Libat Urus bersama ketua-ketua bahagian, ketua-ketua pusat pengajian dan unit serta wakil-wakil strategik pada akhir bulan Januari hingga Februari 2022. Sesi Libat Urus menjadi wahana awal untuk berkongsi idea mengenai halatuju UiTMKDH untuk tahun 2022. Halatuju 2022 ini telah diperhalusi dan diperjelaskan lagi oleh Rektor UiTMKDH menerusi Amanat Tahun Baru 2022 pada 6 Februari 2022 (**Rujuk: KDHBUKTI 2_K2.2**). Ini disusuli dengan Bengkel Perancangan Strategik pada 20 Februari 2022 yang menghasilkan Pelan Tindakan Strategik (**Strategic Action Plan - SAP**) 2022 (**Rujuk:KDHBUKTI 3_K2.2**).

Bagi maksud pelaporan tahun 2022, tema **Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK)** telah dipilih berdasarkan impaknya yang signifikan kepada UiTMKDH (**Rujuk: KDHBUKTI 4_K2.2**). Tema ini juga bertepatan dengan Amanat Tahun Baharu 2022 Menteri Pengajian Tinggi dan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor UiTM yang berteraskan kepada **GCU**, selain mengambil kira Falsafah Pendidikan Negara yang didokong oleh UiTM dan menepati misi universiti. Korelasi bidang tumpuan Tahun 2022 dengan teras dan tema strategik UiTM ditunjukkan dalam Jadual K2.1 (**Rujuk: KDHBUKTI 4_K2.2**). Ia menunjukkan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** adalah berteraskan **Pendidikan Berkualiti**, yang penting dalam konteks keusahawanan dan **Kecemerlangan Global** dalam membentuk graduan seimbang, menggerakkan perkongsian pintar bersama industri dan komuniti. Natiujahnya, ia menghasilkan graduan dan staf yang seimbang dan mempunyai ketampakan global dan berdaya keusahawanan yang terserlah selaras dengan hasrat UiTM untuk memperhebatkan ketampakan global dalam Kompetensi Global (**Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.2**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_P01_PB02_20231_KDHBUKTI 1_K2.2 PELAN STRATEGIK UiTM 2025_RMK 12.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB02_20232_KDHBUKTI 2_K2.2 Amanat YBM 2022, Amanat VC 2022, Amanat Rektor 2022, Sesi Libat Urus_BPS.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB02_20233_KDHBUKTI 3_K2.2 Bengkel Perancangan Strategik & SAP2022.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB02_20234_KDHBUKTI 4_K2.2 Kelulusan Bidang Tumpuan & Jadual K2 Bidang Tumpuan, Teras, Tema dan Objektif Strategik UiTMKDH \(2022\).pdf](#)
5. [K0055_P01_PB02_20235_KDHBUKTI 5_K2.2 KOMPETENSI GLOBAL.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Tumpuan kepada inisiatif **Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK)** memerlukan komitmen kesemua pihak dalam menggerakkan inisiatif strategik berkaitan bidang tumpuan yang lain. Perancangan strategik UiTMKDH 2022 berlandaskan kepada teras-teras utama universiti seperti yang tertera di **Pelan Strategik UiTM2025 dengan input daripada Rancangan Malaysia Ke-12 (2021–2025) (Rujuk:KDHBUKTI 1_K2.3)**. Penggubalan **Pelan Tindakan Strategik (SAP 2022)** bermula selepas pelancaran Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2022 yang menggariskan teras-teras strategik UiTM untuk tahun berkenaan. Seperti lazimnya, Amanat Rektor UiTMKDH, menyusul dengan memperhalusi perincian setiap teras dan tema strategik berdasarkan bidang tujuhan dan tumpuan kekuatan kampus yang dipetakan dalam pelan tindakan strategik kampus. UiTMKDH mengorak langkah ke arah penggubalan **Pelan Tindakan Strategik 2022** menerusi Sesi Libat Urus bersama Ketua-Ketua Bahagian/Unit, Ketua-Ketua Pusat Pengajian serta Wakil-Wakil Strategik pada awal tahun 2022. Sesi Libat Urus ini menjadi medan awal perkongsian idea mengenai Halatuju UiTMKDH 2022. **SAP 2022** telah disiapkan pada 20 Februari 2022 melalui Bengkel Perancangan Strategik PI dan SAP 2022. (Rujuk: **KDHBUKTI 2_K2.3**).

Bagi maksud pelaporan 2022, bidang tumpuan **JIK** dipilih memandangkan impak yang telah dicetus memberikan kesan signifikan kepada UiTMKDH dan meningkatkan keterlihatan universiti di peringkat global. Jadual 2 menunjukkan matriks penggubalan perancangan strategik UiTMKDH 2022 berdasarkan teras strategik, tema dan objektif strategik yang ingin dicapai. (Rujuk: **KDHBUKTI 3_K2.3**). Dari sudut **JIK**, semua inisiatif strategik berkaitan projek/program **Jaringan Industri** melibatkan rakan strategik seperti Universitas Islam Bandung (UNISBA), International Balkan University (IBU), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Nescafe dan Toshiba manakala dalam konteks **Keusahawanan** pula, inisiatif strategik digerakkan melalui program Batik Merbok, program MASMED dengan projek Icip-Icip *My Agrosis*, Nescafe Hub, UNIMAIL, *Social Enterprise Club (SEC)*, *Barber's Academy*, Bazar Ramadhan dan juga inisiatif penajaan pendapatan penanaman nanas Kampus Kedah.

JIK dipacu berasaskan teras Kecemerlangan Global dan Pendidikan Berkualiti menerusi keusahawanan dan graduan seimbang, perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni serta kecemerlangan bakat (Rujuk: **KDHBUKTI 4_K2.3**). SAP2022 menunjukkan senarai inisiatif strategik yang dijangka mampu mencapai semua petunjuk prestasi yang telah ditetapkan (Rujuk: **KDHBUKTI 5_K2.3**). Akhirnya, SAP2022 di bawah Pengarah Program (PD) Pengurus Projek (PM) yang dilantik membantu untuk menghasilkan graduan seimbang dan mempunyai daya keusahawanan kompeten di peringkat global serta mempunyai kedudukan dalam pakatan strategik universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB03_20231_KDHBUKTI 1_K2.3 Pelan Strategik UiTM 2025_RMK 12.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB03_20232_KDHBUKTI 2_K2.3 Bengkel Perancangan Strategik & SAP2022.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB03_20233_KDHBUKTI 3_K2.3 Jadual 2_Objektif Strategik_PI_Inisiatif Strategik.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB03_20234_KDHBUKTI 4_K2.3 Jadual K2.2_Objektif Strategik.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB03_20235_KDHBUKTI 5_K2.3 SAP 2022_JIK_ICAN_RMU_MASMED_BENDAHARI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Analisis SWOT ialah analisis yang digunakan untuk menilai kedudukan daya saing organisasi dan pembangunan perancangan strategik. Perancangan dan pelaksanaan kesemua bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) (Rujuk: KDHBUKTI 1_K2.4.1)** telah melepasi Analisis SWOT. Penghasilan analisis SWOT di Rajah 2.4.2 membolehkan risiko dikenal pasti beserta dengan Jadual 2.4.2 menunjukkan kategori risiko bagi projek dan inisiatif strategik (Rujuk: KDHBUKTI 2_K2.4.1). Dua rujukan utama ialah Panduan Pengurusan Risiko UiTM dan Senarai Risiko UiTM. (Rujuk:KDHBUKTI 3_K2.4.1).

Sehubungan itu dalam konteks JIK, 6 elemen utama kemahiran pendidikan abad ke-21 iaitu pemikiran kritis, kerjasama, komunikasi, kreativiti, kewarganegaraan dan pendidikan karakter (Rujuk: KDHBUKTI 4_K2.4.1) dicerakinkan ke program peringkat universiti, komuniti, kebangsaan dan antarabangsa. Ini penting dalam konteks ketahanan menghadapi risiko, yang mana kesemua inisiatif strategik JIK SAP 2022 dikenalpasti dua parameter penting, iaitu kebarangkalian sesuatu risiko projek berlaku (*Likelihood of Occurrence*) dan impak (*Magnitude of Impact*) sekiranya risiko terjadi dan pelan mitigasi (*Mitigation Plan*)(Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.4.1). Antara contoh program berimpak besar dalam pengurusan risiko terhadap **Jaringan Industri** ialah MoU bersama *International Balkan University (IBU), North Macedonia* pada tahun 2021 diteruskan dengan pelbagai aktiviti sepanjang 2022 seperti penganjuran bersama **5th International Conference on Social Sciences and Humanities 2022** di Skopje, North Macedonia pada 13-15 Jun 2022 secara atas talian dan pameran **Merging of Two Cultures Through Visual Art** pada 16-19 Oktober 2022 di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM Shah Alam. Dalam konteks **Keusahawanan**, antara inisiatif strategik yang digerakkan ialah **program usahasama** antara MASMED, FPP UiTMKDH dan UNISBA dalam penganjuran **1st International Competition of Entrepreneurship Business Innovation (iCEBIV) 2022** dan **projek penanaman nenas** yang diusahakan oleh UiTMKDH merupakan beberapa contoh keterdedahan terhadap risiko yang memerlukan keupayaan menguruskan risiko yang berlaku.

Justeru, kesemua inisiatif strategik berjaya mencapai objektif strategik dan mengatasi pelbagai risiko, khususnya **risiko kewangan, reputasi dan operasi**. Ketidakecapan menguruskan program berlaku sekiranya dilaksanakan tanpa analisis keperluan projek menyebabkan risiko kewangan. Ia dapat diatasi melalui penyertaan bersama pihak luar yang berkepentingan. Penyertaan pihak luar turut menyelesaikan risiko operasi. Pengoperasian program berjalan dengan lancar, strategik dan selamat. Lantaran itu, penyelarasan dan komunikasi cekap dengan pihak luar memungkinkan risiko operasi berada di tahap minima dan risiko reputasi diminimumkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_P01_PB04_PC01_20231_KDHBUKTI 1_K2.4.1 Carta Alir 2.4.1_Proses Pemantauan Prestasi PI 2022 UiTMKDH.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB04_PC01_20232_KDHBUKTI 2_K2.4.1 Rajah 2.4.1 a dan b_Proses Pemantauan Prestasi dan Tentatif Pemantauan dan Pelaporan PI 2022 UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB04_PC01_20233_KDHBUKTI 3_K2.4.1 Proses Pemantauan dan Pelaporan PI 2022.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB04_PC01_20234_KDHBUKTI 4_K2.4.1 Borang Permohonan Program Berdasarkan PI dan Senarai PI 2022_GF Form PI_GF Form SAP 2022 \(1\).pdf](#)
5. [K0055_P01_PB04_PC01_20235_KDHBUKTI 5_K2.4.1 Takwim Perancangan Strategik PI 2022 dan Mesyuarat Utama UiTM Kedah \(1\).pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Analisis SWOT ialah analisis yang digunakan untuk menilai kedudukan daya saing organisasi dan pembangunan perancangan strategik. Perancangan dan pelaksanaan kesemua bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) (Rujuk: KDHBUKTI 1_K2.4.2)** telah melepasi Analisis SWOT. Penghasilan analisis SWOT di Rajah 2.4.2, membolehkan risiko dikenal pasti dan Jadual 2.4.2 menunjukkan kategori risiko bagi projek/inisiatif strategik (**Rujuk: KDHBUKTI 2_K2.4.2**). Dua rujukan utama ialah Panduan Pengurusan Risiko UiTM dan Senarai Risiko UiTM. (**Rujuk:KDHBUKTI 3_K2.4.2**).

Sehubungan itu dalam konteks JIK, 6 elemen utama kemahiran pendidikan abad ke-21 iaitu pemikiran kritis, kerjasama, komunikasi, kreativiti, kewarganegaraan, dan pendidikan karakter (**Rujuk: KDHBUKTI 4_K2.4.2**) dicerakinkan ke program di peringkat universiti, komuniti, kebangsaan dan antarabangsa. Ini penting dalam konteks ketahanan menghadapi risiko, yang mana kesemua inisiatif strategik JIK SAP 2022 dikenalpasti dua parameter penting, iaitu kebarangkalian sesuatu risiko projek berlaku (**Likelihood of Occurrence**) dan impak (**Magnitude of Impact**) sekiranya risiko terjadi dan pelan mitigasi (**Mitigation Plan**) (**Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.4.2**). Antara contoh program berimpak besar dalam pengurusan risiko terhadap **Jaringan Industri** ialah MoU bersama *International Balkan University (IBU), North Macedonia* pada tahun 2021, diteruskan dengan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2022 seperti penganjuran bersama **5th International Conference on Social Sciences and Humanities 2022** di Skopje, North Macedonia pada 13-15 Jun 2022 secara atas talian dan pameran **Merging of Two Cultures Through Visual Art** pada 16-19 Oktober 2022 di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM Shah Alam. Dalam konteks **keusahawanan**, antara inisiatif strategik yang digerakkan ialah **program usahasama** antara MASMED, FPP UiTMKDH dan UNISBA dalam penganjuran **1st International Competition of Entrepreneurship Business Innovation (iCEBIV) 2022** dan **projek penanaman nenas** yang diusahakan oleh UiTMKDH merupakan beberapa contoh keterdedahan terhadap risiko yang memerlukan keupayaan menguruskan risiko yang berlaku.

Justeru, kesemua inisiatif strategik berjaya mencapai objektif strategik dan mengatasi pelbagai risiko, khususnya **risiko kewangan, reputasi dan operasi**. Ketidakecapan menguruskan program berlaku sekiranya dilaksanakan tanpa analisis keperluan projek menyebabkan risiko kewangan. Ia dapat diatasi melalui penyertaan bersama pihak luar yang berkepentingan. Penyertaan pihak luar turut menyelesaikan risiko operasi. Pengoperasian program berjalan dengan lancar, strategik dan selamat. Lantaran itu, penyelarasan dan komunikasi cekap dengan pihak luar memungkinkan risiko operasi berada di tahap minima dan risiko reputasi diminimumkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB04_PC02_20231_KDHBUKTI 1_K2.4.2 SAP Jaringan Industri Keusahawanan 2022 UiTM Cawangan Kedah.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB04_PC02_20232_KDHBUKTI 2_K2.4.2 Rajah 2.4.2 SWOT dan Jadual 2.4.2 Tahap Risiko \(1\).pdf](#)
3. [K0055_P01_PB04_PC02_20233_KDHBUKTI 3_K2.4.2_Panduan Pengurusan Risiko UPR UiTM_Glosari Risiko_Panduan Risiko BTU.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB04_PC02_20234_KDHBUKTI 4_K2.4.2 6Cs skills \(1\).pdf](#)
5. [K0055_P01_PB04_PC02_20235_KDHBUKTI 5_K2.4.2 Risk Database Kedah_Projek Khas JIK SAP 2022_ICAN_RMU_MASMED_BENDAHARI \(2\).pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) berkait rapat dengan produk yang dihasilkan oleh UiTMKDH, iaitu pelajar dan staf yang mempunyai kompetensi jaringan industri serta keusahawanan seiring dengan ciri-ciri Kompetensi Global 2022. Inisiatif strategik dirangka supaya pelaksanaannya mengoptimalkan pencapaian PI. Jadual K2.2 menunjukkan bagaimana inisiatif-inisiatif strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan (JIK) menepati objektif strategik UiTMKDH (**Rujuk: KDHBUKTI 1_K2.4.3**).

Mendepani pasca Pandemik COVID19, pelbagai perkara secara hibrid masih dijalankan dan kekangan kewangan menghadkan pilihan projek. Kajian semula dan penambahbaikan proses dilaksanakan bagi memastikan program yang dirancang dalam pelbagai kekangan dianjurkan. Dalam konteks **Jaringan Industri** contohnya program kolaborasi pameran seni antarabangsa bertemakan '**Merging of Two Cultures Through Visual Art**' (**Rujuk: KDHBUKTI 2_K2.4.3**) akhirnya berjaya dianjurkan secara bersama di antara UiTMKDH dan *International Balkan University (IBU)* di GESTURZ, UiTM Shah Alam dan dihadiri oleh pelajar Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Shah Alam dan Puncak Alam. Lokasi yang dipilih dianggap sesuai bagi mengoptimalkan penyertaan pelajar dan memudahkan urusan pihak luar.

Kolaborasi UiTMKDH dengan LZNK sudah berjalan begitu lama. UiTMKDH merupakan amil zakat pendapatan di mana staf UiTMKDH membuat potongan zakat bulanan. Sebahagian daripada kutipan zakat dikembalikan kepada UiTMKDH untuk diagihkan kepada pelajar dan staf UiTMKDH yang memerlukan bantuan kewangan. Kolaborasi ini dimantapkan lagi dengan memorandum perjanjian yang menghasilkan geran penyelidikan (**Rujuk:KDHBUKTI 3_K2.4.3**) berjumlah RM90,000.00 bagi maksud penyelidikan berkaitan dengan zakat. Ini amat membantu UiTMKDH yang menghadapi dana penyelidikan yang terbatas.

Dalam konteks **Keusahawanan**, penanaman nanas juga merupakan satu inisiatif strategik (**Rujuk: KDHBUKTI 4_K2.4.3**) yang mencabar memandangkan UiTMKDH tidak mempunyai kepakaran khusus dalam bidang berkenaan. Ia dilaksanakan ketika negara belum bebas sepenuhnya daripada pandemik COVID19. Namun dengan tekad ingin melakukan sesuatu yang baru dan disokong oleh staf yang berminat serta bantuan teknikal oleh pihak luar seperti FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas, projek ini telah memasuki musim kedua. Pihak pengurusan juga melihat semula guna tenaga staf bagi melancarkan projek ini. Contohnya, seorang staf iaitu Encik Md Zainizam Ngadiman (**Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.4.3**) telah dilantik sebagai perunding tanaman manakala staf Pejabat Bendahari diamanahkan untuk urusan kutipan jualan. Di samping itu, jualan nanas segar yang telah dipotong dan sedia dimakan juga telah dimulakan dan mendapat sambutan yang baik dari kalangan staf.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB04_PC03_20231_KDHBUKTI 1_K2.4.3 Jadual K2.2_Objektif Strategik.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB04_PC03_20232_KDHBUKTI 2_K2.4.3 Program IBU-UiTM Kedah.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB04_PC03_20233_KDHBUKTI 3_K2.4.3 Maklumat Agihan Geran_ZAWAS_LZNK.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB04_PC03_20234_KDHBUKTI 4_K2.4.3 Surat Pelantikan JK Projek Nanas.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB04_PC03_20235_KDHBUKTI 5_K2.4.3 Surat Perlantikan Perunding Peladang.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik yang sistematik menjadi pemangkin kepada UiTMKDHD menjadi sebuah organisasi dinamik dan berdaya saing. Pengurusan dan pelaksanaan inisiatif strategik yang cekap dan berkesan menentukan keberhasilan Inisiatif strategik berkaitan bidang tumpuan (Rujuk: KDHBUKTI 1_K2.5). Rajah 2.5 menunjukkan tiga aspek utama inovasi yang terhasil (Rujuk: KDHBUKTI 2_K2.5). Antara inovasi yang terhasil dalam konteks **Jaringan Industri dan Keusahawanan** adalah:

a) Inovasi Pendigitalan Kampus

Inisiatif pendigitalan kampus menepati inisiatif strategik UiTM dalam melaksanakan Inisiatif Transformasi Digital di bawah Projek Keutamaan Naib Canselor. Antaranya, ialah Sistem e-xXvt, e-Respons dan e-Data yang merupakan contoh jenama inovasi berteraskan aplikasi teknologi yang berupaya memudahkan inisiatif JIK antara kampus dengan pemegang taruh yang terlibat (Rujuk: KDHBUKTI 3_K2.5).

b) Inovasi Pengurusan dan Penjana Pendapatan

Beberapa inisiatif strategik SAP 2022 turut melibatkan beberapa inovasi pengurusan dan penjana pendapatan. Antara Projek Khas penjana pendapatan yang dilaksanakan di kampus Kedah ialah inisiatif Penanaman Nanas dengan menggunakan ruang tanah sedia ada di dalam kampus dan diusahakan oleh staf kampus yang menyumbang ke arah penjana pendapatan kampus (Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.5). Projek Khas MASMED seperti UNIMAIL merupakan satu inovasi pengurusan dan penjana pendapatan. UniMAIL ialah Inkubator Perniagaan MASMED berfungsi sebagai hab pengisihan bungkusan di UiTM Kedah bertujuan menyokong komuniti kampus menerima mel dan bungkusan daripada syarikat kurier. Kakitangan dan pelajar perlu mengambil bungkusan peribadi mereka daripada UniMAIL UiTM Kedah. Ini dapat mengurangkan masalah dari segi pengurusan mel dan bungkusan di pihak pentadbiran kampus (Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.5).

c) Inovasi Rangkaian Rakan Strategik dan Alumni

Melalui Inisiatif Strategik JIK SAP 2022, potensi pengoptimuman inovasi melalui kolaborasi bersama rakan strategik sentiasa menjadi keutamaan. Antaranya, program jaringan Industri dan Keusahawanan MASMED bersama rakan industri seperti Nestle dalam projek Nescafe Hub MASMED (Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.5), dan projek Penanaman Nanas dengan LPNM dan FPA (Rujuk: KDHBUKTI 5_K2.5),

Projek khas ini penting untuk membentuk kerjasama strategik seperti membina komitmen dan kepercayaan, keupayaan kawalan kos pengendalian projek yang dapat dikongsi bersama serta penjimatan kos pelaksanaan program. Ia berkaitan dengan Inisiatif Utama UiTM, iaitu membina reputasi universiti dengan rakan strategik dan melaksanakan rangkaian dan kolaborasi keusahawanan. Ia memenuhi Inisiatif "Universiti untuk Masyarakat", dalam melahirkan usahawan dan mempertingkatkan kolaborasi strategik di bawah Inisiatif Utama UiTM 2025 dan Projek Keutamaan Naib Canselor UiTM (Rujuk: KDHBUKTI 4_K2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB05_20231_KDHBUKTI 1_K2.5 Inisiatif Strategik Jaringan Industri & Keusahawanan 2022 UiTM Cawangan Kedah.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB05_20232_KDHBUKTI 2_K2.5 Rajah 2.5_Kategori Inovasi.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB05_20233_KDHBUKTI 3_K2.5 Inovasi Pendigitalan Kampus \(1\).pdf](#)
4. [K0055_P01_PB05_20234_KDHBUKTI 4_K2.5 Key Initiative UiTM 2025_VC Priority Project 2022_JIK.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB05_20235_KDHBUKTI 5_K2.5 Inovasi Pengurusan Penjana Pendapatan Rakan Strategik.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMKDH juga komited memberi perkhidmatan yang efisien dan efektif kepada pelanggan dan pihak berkepentingan dengan memahami dan menepati keperluan pelanggan, memastikan dan menangani risiko serta menganalisa peluang yang memberi kesan terhadap peningkatan kepuasan hati pelanggan. Secara khususnya penumpuan pelanggan diberikan kepada pelajar dan staf UiTMKDH, agensi kerajaan, universiti luar dan industri.

Bagi memastikan pelaksanaan bidang tumpuan berjalan seperti yang ditetapkan, pihak Pengurusan Kanan UiTMKDH telah mengguna pakai mekanisme *Plan, Do, Check* dan *Action* (**PDCA**) dalam gerak kerja berkaitan bidang tumpuan. Pengurusan Kanan UiTMKDH amat memberi penekanan terhadap **PERANCANGAN** (*Plan*) terhadap inisiatif program yang dijalankan. Pelanggan harus dikenalpasti dan diklasifikasikan supaya dapat merangka perancangan yang sesuai dan tepat selaras dengan kehendak pelanggan. Secara amnya, pelanggan UiTMKDH boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu pelanggan dalaman, pelanggan luaran dan pelanggan spesifik.

Keterlibatan Pengurusan Kanan UiTMKDH dengan setiap program yang dijalankan sudah pasti membuatkan setiap **PELAKSANAAN** (*Do*) program itu lebih lancar. Kepimpinan UiTMKDH turut menyumbang idea serta nasihat dan telah menggariskan penglibatan pelanggan yang sesuai dengan objektif program bidang tumpuan yang telah dirancang. Kepimpinan UiTMKDH menetapkan bahawa aktiviti bidang tumpuan dilaksanakan dengan peruntukan kewangan yang minima daripada bajet UiTMKDH tetapi berimpak tinggi. Ianya juga perlu memastikan pelaksanaan setiap program yang dirancang mampu mencapai objektif dan matlamat asal program iaitu untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Program bidang tumpuan dirangka mengikut keperluan pelanggan secara spesifik supaya program dijalankan memberikan impak yang maksima. **Hasil Memorandum Persefahaman (MOU)** bersama International Balkan University (IBU), North Macedonia pada tahun 2021, pelbagai aktiviti berjaya dijalankan sepanjang tahun 2022. Bermula dari penganjuran bersama **5th International Conference on Social Sciences and Humanities 2022** di Skopje, North Macedonia pada 13-15 Jun 2022 secara atas talian dan seterusnya pada 16-19 Oktober 2022, UiTMKDH menjemput IBU mengadakan **pameran Merging of Two Cultures Through Visual Art** dan demonstrasi karya di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM Shah Alam. Ministry of Culture of Republic of North Macedonia dan Balai Seni Negeri Kedah menyokong penuh program ini. Selain itu, **program usahasama** di antara MASMED, FPP UiTMKDH dan UNISBA dalam penganjuran **1st International Competition of Entrepreneurship Business Innovation (iCEBIV) 2022** adalah salah satu program yang berbentuk pertandingan dalam mencungkil idea-idea syarikat pemula (*start-up*) berdasarkan Business Model Canvas (BMC), Rancangan Perniagaan dan Peluang Perniagaan. Pada tahun 2022, MASMED UiTMKDH mencapai 100% bagi 5 Petunjuk Prestasi yang secara tidak langsung memotivasikan pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Pasukan UiTMKDH NYEP di bawah kelolaan MASMED UiTMKDH juga berjaya menduduki tempat kedua dari 16 universiti seluruh Malaysia dalam pertandingan NESCAFE Youth Entrepreneurship Programme 2022.

Untuk memastikan kelancaran setiap program dan keterlibatan pelanggan, pihak Pengurusan Kanan UiTMKDH mengadakan **PEMANTAUAN** (*Check*). Pengurusan Kanan UiTMKDH mengamalkan kaedah penurunan kuasa kepada PTJ tertentu untuk memantau program bidang tumpuan. Hasil dari tindakan pemantauan, **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** (*Act*) akan diambil dan dikenalpasti oleh pihak Pengurusan Kanan melalui mesyuarat '*post mortem*' yang diadakan setelah selesai sesuatu program. Maklumbalas daripada pihak pelanggan untuk proses penambahbaikan sentiasa dialu-alukan dan pelbagai medium telah diadakan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMKDH mewujudkan Sistem Pengurusan Pelanggan berlandaskan inisiatif strategik bagi mencapai objektif Perancangan Strategik. Model Tumpuan Pelanggan seperti **KDHBUKTI 1_K3.2_Model Tumpuan Pelanggan** digunakan sebagai garis panduan mengenalpasti kumpulan sasaran dan keperluan mereka. **Pelanggan dalaman** merupakan **pelajar** dan **staf UiTMKDH** dan **pelanggan luaran** adalah **komuniti setempat** dan **komuniti antarabangsa**, **Institusi Pendidikan dalam dan luar negara**, **Badan Kerajaan** dan **bukan Kerajaan** dan **Industri**.

UiTMKDH juga komited memberi perkhidmatan yang efisien dan efektif kepada pelanggan dan pihak berkepentingan dengan memahami dan menepati keperluan pelanggan, memastikan dan menangani risiko serta menganalisa peluang yang memberi kesan terhadap peningkatan kepuasan hati pelanggan. Segmen kumpulan sasaran adalah terdiri daripada kumpulan dalaman dan luaran **KDHBUKTI 2_K3.2_Segmen Kumpulan Sasar**.

Program yang dijalankan melibatkan kumpulan sasaran diadakan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Antara program antarabangsa seperti program pameran karya seni dan demonstrasi **Merging of Two Cultures Through Visual Art** dari IBU dan UiTMKDH. Program ini dijalankan sepenuhnya di GESTURZ, UiTM Shah Alam yang dihadiri oleh pelajar dari Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) UiTM Shah Alam dan Puncak Alam. Seramai 2 orang pensyarah KPSK UiTMKDH dan 2 orang wakil daripada IBU terlibat dalam pameran ini. Selain itu, program ini turut dihadiri oleh Dr Emir Hadzikadunic, wakil duta Bosnia and Herzegovina mewakili Ministry of Culture of Republic of North Macedonia **KDHBUKTI 3_K3.2 Program Merging of Two Cultures Through Visual Art**.

50 orang pelajar UiTMKDH yang dibimbing oleh 3 orang pensyarah dari FPP melalui subjek ENT530 juga didedahkan dengan program berbentuk pertandingan yang mengetengahkan idea, bakat dan kemahiran inovatif bakal usahawan di peringkat antarabangsa melalui **1st International Competition of Entrepreneurship Business Innovation KDHBUKTI 4_K3.2_1st International Competition of Entrepreneurship Business Innovation (iCEBIV) 2022**). Program yang dijalankan dengan kerjasama dari MASMED, FPP UiTMKDH dan UNISBA disertai oleh 136 peserta dalam 3 kategori yang dipertandingkan iaitu, Business Model Canvas Battle, Business Plan Battle dan Business Idea Battle. UiTMKDH telah berjaya mendapatkan Gold dan Diamond Award dalam kategori Business Idea Battle.

Di samping itu, **program usahawan** dengan bimbingan MASMED UiTMKDH mengetengahkan teknik asas perniagaan dimana pelajar UiTMKDH diberi peluang untuk mengendalikan perniagaan sendiri. Antara program anjuran MASMED dan FPP UiTMKDH adalah **Siswpreneurship Initiative 2022 (SPI2022)**, program berbentuk keusahawanan khas yang membantu pelajar dalam menubuhkan syarikat pemula (*Start-Up Business*). Oleh itu, pelajar mendapatkan inspirasi dan idea daripada latihan yang disediakan. Pelbagai aktiviti kolaborasi dan keusahawanan dianjurkan antaranya program bersama Insken bagi Seminar Perniagaan Dropship, CNI bagi program perintis usahawan muda, dan bersama Nestle. Maka, pelajar juga berjaya mengadakan aktiviti keusahawanan sendiri di bawah bimbingan pensyarah selaku penasihat dimana antara aktiviti tersebut adalah UniMAIL UiTMKDH, Leypark Cafe anjuran Kelab Usahawan, Nescafe Hub di bawah anjuran NYEP Programme, Icip-Icip di bawah bimbingan MyAgrosis, Barber's Academy dan Social Enterprise Club.

Batik Merbok (BM) merupakan produk kebanggaan UiTMKDH dijadikan sebagai cenderahati

VVIP bagi Majlis Konvokesyen UiTM khas bagi kegunaan Raja Permaisuri Agong pada tahun 2022 serta Hari Inovasi UiTM Cawangan Selangor. BM juga sentiasa menerima jemputan daripada masyarakat setempat untuk menjalankan aktiviti mewarna batik dan membuka booth bagi aktiviti jualan batik **KDHBUKTI 5_K3.2_Program Batik Merbok bersama komuniti**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_T01_TB02_20231_KDHBUKTI 1_K3.2_Model Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB02_20232_KDHBUKTI 2_K3.2_Segmen Kumpulan Sasar.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB02_20233_KDHBUKTI 3_K3.2_Program Merging of Two Cultures Through Visual Art.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB02_20234_KDHBUKTI 4_K3.2_Program 1st International Competition of Entrepreneurship Business Innovation \(iCEBIV\) 2022.pdf](#)
5. [K0055_T01_TB02_20235_KDHBUKTI 5_K3.2_Program Batik Merbok.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data pelanggan diperoleh dan dikumpul melalui pelbagai medium; salah satunya melalui **Aduan Maklumbalas Pelanggan (AMP)**. Ini memudahkan pelanggan bertindak sebagai platform penyaluran maklumat, pendapat, aduan atau cadangan kepada pihak BPJI sekaligus kepada universiti. Ini adalah memastikan bidang tumpuan dapat dijalankan dengan baik secara tidak langsung memuaskan hati pelanggan. Kumpulan pelanggan UiTMKDH dikenalpasti berdasarkan program yang diadakan di dalam UiTMKDH rujuk bukti **KDHBUKTI**

1_K3.3_Kaedah Pengurusan Maklumat Pelanggan.

Maklumbalas pelanggan diperolehi melalui saluran kaedah rujuk bukti **KDHBUKTI 2_K3.3_Kumpulan pelanggan terlibat dan bagaimana dikenalpasti**. Dalam merangka setiap program, UiTMKDH sentiasa memastikan keterlibatan pelanggan bersesuaian dengan objektif yang dianjurkan.

Penganjuran majlis konfrensi, pameran mahupun pertandingan merupakan aktiviti program rasmi di UiTMKDH. Kumpulan sasar dapat ditentukan berdasarkan penyertaan yang diterima dan penganjur mengklasifikasikan kepada profesional, pelajar universiti dan pelajar sekolah. Kumpulan-kumpulan ini dinilai berdasarkan kategori yang dipertandingkan. Ini jelas boleh dilihat dalam program **iCEBIV 2022** rujuk bukti **KDHBUKTI 3_K3.3_ICEBIV 2022**.

Program konferensi 5th International Conference on Social Sciences and Humanities 2022 **anjanan bersama** IBU dan UiTMKDH menggalakkan ahli akademik dari kedua-dua pihak untuk menyediakan dan seterusnya membentangkan hasil penulisan ilmiah yang berkualiti. Program konferensi ini secara tidak langsung membuka ruang kepada ahli akademik untuk bekerja sama dengan ahli akademik antarabangsa. 10 orang pensyarah UiTMKDH dilantik sebagai Scientific and Program /Committee untuk menilai kertas kerja yang dihantar. Selain itu, pihak pengurusan juga menggalakkan ahli akademik UiTMKDH membentangkan kertas kerja secara atas talian dan 15 kertas kerja dari kalangan ahli akademik dan 2 kertas kerja dari pasca siswazah diterima.

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, MASMED sentiasa memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Secara amnya, data pelanggan disimpan dengan baik seperti **salinan surat jemputan, maklumat pegawai untuk dihubungi, maklumbalas program serta laporan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan**. Penganjuran aktiviti keusahawanan adalah hasil kerjasama pensyarah, universiti, pelajar dan komuniti. Perniagaan yang dijalankan juga berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Setiap pelanggan ini dikenalpasti berdasarkan keperluan dan peluang yang ada. Pihak industri dikenalpasti bagi memberi khidmat dan nasihat berkaitan projek yang dijalankan. Manakala pihak staf UiTMKDH juga terlibat sebagai penyelaras dan penasihat bagi projek yang dijalankan dengan memberi tunjuk ajar dalam pengurusan sesuatu projek. Pelajar dilatih menjadi penggerak utama bagi menjalankan projek yang telah dirancang. Program yang memberi pendedahan yang luas mengenai perniagaan sebenar memerlukan pelajar bertindak sebagai usahawan dan merangkumi aspek kerjasama antara komuniti dan industri tempatan.

Menariknya, pelajar yang terlibat boleh **menjana pendapatan sendiri** di samping itu memberi impak yang tinggi dalam membantu masyarakat untuk menjana pendapatan.

Rektor UiTMKDH sentiasa menitikberatkan kerjasama erat dalam kalangan staf UiTMKDH yang meliputi semua pensyarah dan staf sokongan. Beberapa siri aktiviti dan yang berkisarkan kerjasama antara semua staf telah diamalkan di UiTMKDH. Pendekatan seperti **Amanat Rektor** yang diadakan dan dihadiri oleh semua staf UiTMKDH merupakan salah satu inisiatif yang baik bagi mengeratkan hubungan antara staf UiTMKDH di samping dapat mengetahui informasi terkini berkenaan pelbagai aktiviti di UiTMKDH. Pendekatan Amanat Rektor yang bersifat fleksibel dalam penyampaian amanat amatlah menarik kerana ianya tidak hanya bersifat formal, malah elemen kesukanan, keceriaan, tadabbur alam dan rekreasi **KDHBUKTI**

4_K3.3_Rektor UiTMKDH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB03_20231_KDHBUKTI 1_K3.3_Kaedah Pengurusan Maklumat Pelanggan.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB03_20232_KDHBUKTI 2_K3.3_Kumpulan pelanggan terlibat dan bagaimana dikenalpasti.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB03_20233_KDHBUKTI 3_K3.3_ICEBIV 2022.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB03_20234_KDHBUKTI 4_K3.3_Rektor UiTMKDH.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dengan penumpuan terhadap kumpulan sasar, UiTMKDH dapat memberi fokus yang lebih baik terhadap pelanggannya. Kaedah dan cara pelaksanaan telah dikenalpasti bermula dengan proses pengumpulan maklumat, aduan, analisa dan tindakan susulan berdasarkan kepada maklumbalas yang diperolehi daripada pihak pelajar dan pihak berkepentingan mengikut segmen pasaran seperti di **KDHBUKTI 1_K3.4.1_Kebaikan dan ganjaran kepada pelanggan.**

Impak kepada keusahawanan dan jaringan industri kepada pelanggan dalam UiTMKDH:

1. Manfaat pemindahan dan perkongsian ilmu
2. Latihan terus daripada pakar
3. Penjana pendapatan
4. Membudayakan inovasi dan kreativiti dalam keusahawanan di kalangan pelajar

Impak kepada keusahawanan dan jaringan industri kepada pelanggan luaran UiTMKDH:

1. Mewujudkan jaringan usahasama bersama pihak akademia
2. Manfaat pemindahan & perkongsian ilmu
3. Latihan terus daripada pakar
4. Ketampakan (*visibility*) UiTMKDH di mata pihak luar
5. Meningkatkan sosio-ekonomi dan pendapatan masyarakat khususnya golongan ibu-ibu tunggal, orang miskin, dan kurang upaya untuk menyertai projek perintis dibawah kategori industri kampung.

Penglibatan staf UiTMKDH dalam memberi ilmu perniagaan dan secara tidak langsung bertanggungjawab dalam mendidik pelajar serta memberi nasihat. Ini seterusnya dapat menimbulkan rasa minat yang mendalam untuk menceburi bidang perniagaan terutama dalam membantu masyarakat atau setidak-tidaknya mempunyai daya pemikiran dan tindakan berasaskan keusahawanan. Pelajar dapat mempraktikkan idea melalui perniagaan dan mampu menjana pendapatan yang sebenar. Hasil dari penglibatan pelajar, kemahiran mereka tidak hanya tertakluk kepada kemahiran pembelajaran di dalam kelas sahaja, malah meliputi bidang yang lebih praktikal rujuk **KDHBUKTI 2_K3.4.1_Program Keusahawanan anjuran MASMED UiTMKDH.**

Komuniti setempat mampu menjana pendapatan di samping mempelajari asas keusahawanan yang dipelajari melalui pemindahan pengetahuan. di samping itu, komuniti dapat meningkatkan keyakinan diri dalam menceburi bidang perniagaan melalui bimbingan daripada pihak industri rujuk **KDHBUKTI 3_K3.4.1_Program Nanas UiTMKDH**

Penganjuran konferensi dan pameran berjaya meningkatkan pengetahuan dalam kalangan pensyarah di samping mendapatkan idea yang secara tidak langsung dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penganjuran ini juga mampu merapatkan hubungan dari segi perkongsian ilmu, teknologi dan idea agar dapat memberi kesedaran dalam masyarakat setempat terutama warga universiti untuk membudayakan inovasi dan ilmu dalam kehidupan seharian rujuk **KDHBUKTI 4_K3.4.1_Program Konfrensi UiTMKDH**

resensi dan nilai negara hadir secara virtual yang di mana tidak perjumpaan secara fizikal. Tambahan pula, kos dapat dikurangkan yang meliputi kos tiket penerbangan, penginapan dan makanan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_T01_TB04_TC01_20231_KDHBUKTI 1_K3.4.1_Kebaikan dan ganjaran kepada pelanggan.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB04_TC01_20232_KDHBUKTI 2_K3.4.1_Program Keusahawanan anjuran MASMED UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB04_TC01_20233_KDHBUKTI 3_K3.4.1_Program Nanas UiTMKDH.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dibentuk sebagai sebahagian daripada kawalan dalaman universiti dan pengaturan tadbir urus. Ia membantu untuk mengenalpasti ketetapan perancangan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan risiko atau penambahbaikan yang diambil. Setiap program yang dilaksanakan mempunyai risiko-risiko yang mampu menghalang atau menjejaskan pelaksanaan bidang tumpuan. Pihak pengurusan UiTMKDH terlibat secara langsung dalam pemantauan kepuasan pelanggan berdasarkan Objektif Kualiti UiTMKDH dan KPI Perancangan Strategik UiTMKDH. Selain itu, risiko-risiko yang menjadi halangan bagi pencapaian objektif juga dinilai dengan teliti agar usaha penambahbaikan berterusan dapat dilakukan melalui kajian semula.

Terdapat 4 tahap risiko telah diwujudkan oleh Pengurusan Kanan yang terdiri daripada Rendah, Sederhana, Tinggi dan Ekstrem yang mungkin menghalang penglibatan pelanggan. **KDHBUKTI 1_K3.4.2_Pengurusan Risiko** bagi Tumpuan Pelanggan menyatakan risiko yang boleh menjejaskan penglibatan pelanggan serta pelan tindakan yang boleh diambil oleh pihak jawatankuasa program untuk mengatasi risiko tersebut.

Sehubungan itu, pelan tindakan telah dirangka untuk mengatasi risiko-risiko yang dikenalpasti tersebut. **KDHBUKTI 2_K3.4.2 Pelan Ringkasan Risiko dan Tindakan Pencegahan** menunjukkan pelan pengurusan risiko yang berkaitan dengan tumpuan pelanggan.

KDHBUKTI 3_K3.4.2 Ringkasan Risiko dan tindakan pihak pengurusan terhadap maklumbalas pelanggan merupakan ringkasan terhadap perancangan dan pelaksanaan tumpuan pelanggan dalam mengenalpasti risiko dan tindakan pihak pengurusan terhadap maklumbalas pelanggan.

Pemantauan ke atas setiap program yang dijalankan dilaksanakan melalui pelaporan mesyuarat di peringkat BHEA, BHEP, BPJI atau ke peringkat yang lebih tinggi seperti JKEN. Namun risiko program atau aktiviti tidak dilaporkan atau program tidak direkod, tidak lengkap dan dikemaskinikan adalah tahap sederhana. Dengan kajian semula, rekod yang dibuat secara manual telah ditukar dengan penggunaan Sistem Repositori aktiviti atau eXtvt sebagai satu inovasi yang dibuat oleh UiTMKDH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB04_TC02_20231_KDHBUKTI 1_K3.4.2 Pengurusan Risiko bagi Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB04_TC02_20232_KDHBUKTI 2_K3.4.2 Pelan Ringkasan Risiko dan Tindakan Pencegahan.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB04_TC02_20233_KDHBUKTI 3_K3.4.2 Ringkasan Risiko dan tindakan pihak pengurusan terhadap maklumbalas pelanggan.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Sesuatu projek yang dirancang dengan baik memerlukan proses pemantauan yang berkesan agar ia berjalan dengan lancar. Penglibatan pelanggan dalam proses penambahbaikan juga amat penting dalam meningkatkan kualiti program seperti dalam **KDHBUKTI 1_K3.4.3_Pelan tindakan Penambahbaikan**.

Kepimpinan Kanan UiTMKDH memberi perhatian kepada maklumbalas pelanggan. Penentuan kepuasan dan ketidakpuasan hati pelajar dan pihak berkepentingan terbahagi kepada dua bahagian dan di terangkan secara terperinci di dalam **KDHBUKTI 2_K3.4.3_Pihak Bertanggungjawab Terhadap Kepuasan Pelanggan**. Bagi memastikan aduan yang diterima dilayan dengan sebaik mungkin, satu tindakan proaktif diadaptasi dengan menempatkan borang aduan pelanggan di semua bahagian dan unit di UiTMKDH. Oleh itu, pengukuran dapat dijalankan dengan lebih terperinci bagi memastikan segala aduan dapat disudahkan penyelesaiannya.

Dalam menjaga kebajikan pelanggan dalaman dan luaran dalam aktiviti keusahawanan, Borang Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan dirujuk dan beberapa cadangan untuk penambahbaikan telah diutarakan seperti mempelbagaikan menu, mengadakan promosi mingguan, menyediakan perkhidmatan Cash On Delivery (COD), mengadakan kiosk di Blok Malinja dan memaparkan senarai menu untuk hari-hari berkenaan.

Laman Facebook dan juga medium sosial lain digunakan bagi mempromosikan projek. Soal selidik diedarkan kepada pelanggan bagi mengetahui tahap penerimaan komuniti terhadap program yang dijalankan. Selain itu, mekanisme emel dan panggilan telefon diadaptasi bagi memudahkan perhubungan antara pelanggan dalaman dan luaran seperti **KDHBUKTI 3_K3.4.3_Maklumbalas Pelanggan**.

Tindakan mempelbagaikan jenis hasil produk Batik Merbok telah memberi pelanggan untuk memiliki pelbagai produk bermotifkan Batik Merbok dan secara tidak langsung tempahan ulangan menjadi indikasi utama kepada kepuasan hati pelanggan.

Pelajar yang menyertai Siswapreneurship Initiative 2022 (SPI2022) berpuas hati dengan program ini dan telah berjaya memulakan perniagaannya sendiri. Daripada pemantauan kepada pihak SPI2022, cadangan penambahbaikan telah diutarakan kepada pelajar yang terlibat untuk terus menjadikan perniagaan mereka berdaya saing.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB04_TC03_20231_KDHBUKTI 1_K3.4.3_Pelan tindakan Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB04_TC03_20232_KDHBUKTI 2_K3.4.3_Pihak Bertanggungjawab Terhadap Kepuasan Pelanggan.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB04_TC03_20233_KDHBUKTI 3_K3.4.3_Maklumbalas Pelanggan.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan segala maklumbalas mahu pun aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, UiTMKDH sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas ini secara holistik dan optimum menggunakan kaedah sistem pengkomputeran yang mesra pengguna. UiTMKDH telah **berjaya membangun dan melaksanakan** sistem **Repositori Aktiviti (eXtv)** rujuk **KDHBUKTI 1_K3.5_Repositori Aktiviti (eXtv)** iaitu sistem penghantaran laporan aktiviti di atas talian yang sebelum adanya sistem ini, penghantaran laporan adalah secara hardcopy.

Selain itu, antara inovasi yang berjaya dibangunkan oleh pihak UiTMKDH di atas platform **<https://ikedah.uitm.edu.my/>** Sistem Bersepadu UiTMKDH adalah seperti **KDHBUKTI 2_K3.5_Sistem Bersepadu UiTMKDH**. Sebagai contoh eRespon adalah salah satu medium komunikasi antara pelanggan dalaman dan luar menyampaikan cadangan, aduan, makluman dan pertanyaan.

KDHBUKTI 3_K3.5_Pembudayaan dan Pengkomersialan Projek UiTMKDH menunjukkan inovasi dan penambahbaikan yang dilakukan kepada projek/program yang berkaitan bagi meningkatkan kadar kepuasan hati pihak-pihak yang berkepentingan.

Dengan adanya kepelbagaian hasil produk Batik Merbok telah memberi pelanggan pilihan untuk memiliki pelbagai produk bermotifkan Batik Merbok. Pengunjung yang terdiri dari kalangan pelajar sekolah juga mampu memiliki cenderahati bermotifkan Batik Merbok pada harga yang mampu milik. Tindakan menggalakkan staf memakai pakaian rasmi Batik Merbok berjaya membudayakan sikap apresiasi terhadap keluaran UiTMKDH sendiri. Batik Merbok juga telah membuat inovasi dalam penghasilan corak yang dimana jika sebelum ini proses canting diperlukan dalam penghasilan corak eksklusif, namun Batik Merbok telah **membuat inovasi dengan menghasilkan setiap rekaan corak dalam bentuk Batik Blok yang dimana proses penghasilan batik lebih mudah dan cepat.**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB05_20231_KDHBUKTI 1_K3.5_Repositori Aktiviti \(eXtv\).pdf](#)
2. [K0055_T01_TB05_20232_KDHBUKTI 2_K3.5_Sistem Bersepadu UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB05_20233_KDHBUKTI 3_K3.5_Pembudayaan dan Pengkomersialan Projek UiTMKDH.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan memainkan peranan yang penting dalam sebuah organisasi. Ini membolehkan pihak pengurusan UiTMKDH secara berterusan mengukur tahap kecekapan dan kecemerlangan prestasi dalam bidang tumpuan yang dipilih iaitu **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Di UiTMKDH, pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan dijalankan berdasarkan Petunjuk Prestasi (PI) dan dipastikan tidak bercanggah dengan tiga kerangka strategik utama, iaitu Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025), Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2022 UiTMKDH.

Aktiviti pengukuran dan penilaian UiTMKDH dilaksanakan secara sistematik dan komprehensif seiring dengan kitaran Plan, Do, Check, Act (PDCA) yang telah digunakan sebagai kerangka kerja untuk memastikan pemantauan pencapaian bidang tumpuan secara berterusan dari semasa ke semasa, sehingga mencapai prestasi kecemerlangan yang terbaik.

Pengukuran UiTMKDH **telah dirancang (Plan)** dengan mengenal pasti beberapa instrumen pengukuran yang digunakan untuk mengukur dan menilai bidang tumpuan. Instrumen ini dibahagikan kepada dua kategori pengukuran utama iaitu **pengurusan jaringan industri** melalui MoU/MoA dan geran penyelidikan serta **pengurusan program keusahawanan**. Instrumen-instrumen yang digunakan telah dikenalpasti keberkesanannya dalam proses pengumpulan data melalui aspek kesahihan, kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan. Contohnya, instrumen pengukuran seperti Petunjuk Prestasi (PI) 2022 dan laporan daripada sistem eRespon, sistem PRIME, sistem eXtvt dan sistem StoreHub(Nescafe Hub).

Seterusnya, data-data pencapaian yang diterima daripada instrumen pengukuran **telah dikumpulkan dan dianalisis (Do)** secara teratur mengikut jenis-jenis data yang dikumpulkan. Data-data ini kemudiannya dianalisis untuk memantau perkembangan dan pencapaian bidang tumpuan. Sebagai contoh, jenis data yang dikumpulkan bagi MoU/MoA yang telah dimeterai dan geran penyelidikan yang diperoleh merangkumi data bilangan penerbitan berkala yang dipantau oleh Bahagian PJI daripada sistem PRIME yang digunakan oleh seluruh warga UiTM. Manakala, bagi program MASMED UiTMKDH pula sebagai contoh, data daripada sistem StoreHub digunakan untuk merekod dan memantau jualan Nescafe di kampus.

Tindakan **pemantauan dan kajian semula (Check)** dijalankan di mana analisis data yang dikumpulkan dibentangkan di **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** dan **Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK)**. Mesyuarat ini berbincang dan meneliti data-data pengukuran bidang tumpuan yang telah dianalisis. Kekuatan dan kelemahan pada instrumen, data, dan analisis turut dibincangkan. Seterusnya, mesyuarat ini juga berbincang dan mengenal pasti tindakan pembetulan ke atas jurang pencapaian pada bidang tumpuan sebagai tindakan **penambahbaikan (Act)**. Pengurusan sebelum dan selepas proses penambahbaikan dilakukan oleh UiTMKDH dan digunakan sebagai penanda aras bagi pencapaian bidang tumpuan yang telah dipilih.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses penilaian program dan aktiviti UiTMKDH 2022 telah dipantau oleh pihak pengurusan tertinggi untuk mencapai sasaran bidang tumpuan pilihan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Pengukuran program telah dilaksanakan berdasarkan Petunjuk Prestasi (PI) dan dipastikan tidak bercanggah dengan **tiga kerangka strategik utama, iaitu Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025), Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2022 UiTMKDH**. Terdapat enam PI daripada RMU, sebelas PI daripada ICAN, enam PI daripada MASMED, dua PI daripada BHEA dan satu PI daripada Pejabat Bendahari berkaitan dengan bidang tumpuan (**Rujuk bukti KDHBUKTI 1_K4.2_Petunjuk Prestasi Bidang Tumpuan**). Antara bidang tumpuan yang difokuskan adalah **jalinan bersama** pihak luar melalui Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan juga geran penyelidikan serta **program keusahawanan**.

KDHBUKTI 2_K4.2_Instrumen Mengukur Bidang Tumpuan menunjukkan instrumen pengukuran yang digunakan untuk mengumpulkan data bidang tumpuan. Bagi MoU/MoA dan geran penyelidikan, **instrumen** yang digunakan utk **mengukur pencapaian adalah melalui PI, sistem UePMO, Sistem NILAMs, kelulusan geran penyelidikan, laporan daripada Koordinator ICAN, sistem PRIME, sistem eXtvt (inovasi UiTMKDH), media sosial dan lain-lain. Instrumen** yang digunakan untuk mengukur **pencapaian aktiviti keusahawanan** adalah menerusi **Buletin Galeri Seni Merbok, laporan Koordinator, Sistem FAIS, sistem eXtvt, media sosial** dan lain-lain. Data-data yang diperoleh daripada instrumen ini dianalisis dengan sistematik supaya item yang dihasilkan adalah tepat dan berkesan.

Pencapaian bidang tumpuan **diukur** dengan termeterai MoU/MoA diantara UiTMKDH bersama industri dan juga universiti antarabangsa. Antara MoU/MoA aktif pada tahun 2022 yang memberikan impak kepada UiTMKDH adalah jalinan bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), International Balkan University (IBU) dan Universitas Islam Bandung (UNISBA). Sepanjang jalinan ini, UiTMKDH telah memperoleh beberapa geran penyelidikan dan menerusi geran ini penerbitan berindeks telah dihasilkan. Pelbagai program bersama juga telah dianjurkan seperti **perkongsian pengetahuan** diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Perancangan yang sistematik diterapkan supaya objektif MoU/MoA yang dinyatakan dapat dicapai (**Rujuk bukti KDHBUKTI 3_K4.2_Antara MoU/MoA Aktif UiTM Kedah Tahun 2022**).

Disamping itu, geran daripada Toshiba International Foundation (TIFO) juga telah diterima. Kerjasama ini telah menghasilkan 9 set reka bentuk karakter inspirasi daripada anime Jepun di dalam buku komik. Tiga belas penerbitan berindeks juga telah diterbitkan oleh ahli akademik UiTMKDH pada tahun 2022 menerusi geran yang diterima daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (**Rujuk bukti KDHBUKTI 4_K4.2_Geran Penyelidikan dengan Pihak Luar**).

Projek keusahawanan telah memberikan penajaan pendapatan kepada UiTMKDH menerusi Batik Merbok dan juga Projek Penanaman Nanas. Pencapaian Batik Merbok dan Projek Penanaman Nanas diukur dengan mengambil kira bilangan produk yang dikeluarkan, bilangan program **perkongsian pengetahuan** berimpak yang dijalankan dan juga jumlah hasil jualan. Sementara itu, MASMED UiTMKDH juga komited menjalankan program keusahawanan untuk mencapai PI kampus. Antara aktiviti keusahawanan yang telah dijalankan oleh MASMED adalah seperti Nescafe Hub, UniMAIL dan lain-lain (**Rujuk bukti KDHBUKTI 5_K4.2_Senarai Projek Keusahawanan UiTM Kedah**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_A01_AB02_20231_KDHBUKTI 1_K4.2_Petunjuk Prestasi Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB02_20232_KDHBUKTI 2_K4.2_Instrumen Mengukur Bidang Tumpuan.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB02_20233_KDHBUKTI 3_K4.2_Antara MoU@MoA Aktif UiTM Kedah Tahun](#)

[2022.pdf](#)

4. [K0055_A01_AB02_20234_KDHBUKTI 4_K4.2_Geran Penyelidikan dengan Pihak Luar.pdf](#)
5. [K0055_A01_AB02_20235_KDHBUKTI 5_K4.2_Senarai Projek Keusahawan UiTMKDH.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMKDH adalah komited dalam memastikan data-data yang dikumpul sama ada secara berkala atau berterusan sepanjang tahun dapat digunakan sebagai satu penilaian dalam memastikan sasaran bagi bidang tumpuan (Jaringan Industri dan Keusahawanan) yang digariskan pada tahun 2022 dapat dicapai. Data-data ini dikumpulkan melalui instrumen pengukuran yang **dikenalpasti** seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 4.2 (Pendekatan) (**Rujuk bukti KDHBUKTI 1_K4.3_Instrumen Mengukur Bidang Tumpuan**).

Contoh data-data yang **dikumpulkan** adalah daripada maklum balas pelanggan, laporan-laporan seperti laporan aktiviti yang disediakan oleh Koordinator bahagian ICAN, PJI dan juga MASMED, buletin tahunan seperti buletin Seni Galeri Merbok, Laporan Tahunan UiTMKDH iaitu @Kedah dan Laporan Kewangan bagi program keusahawanan. Bagi memudahkan proses pengumpulan data, sebagai contoh, di setiap fakulti, Ketua Pengurusan ICAN telah dilantik bagi membolehkan data-data aktiviti yang dijalankan dapat dikumpulkan bagi tujuan pelaporan oleh Koordinator ICAN.

Selain itu, UiTMKDH juga telah memanfaatkan penggunaan sistem seperti Sistem PRIME, eRespon, Sistem eXtvt dan lain-lain untuk mengukur pencapaian prestasi dan memantau pencapaian semasa secara berkala. Item-item pengukuran ini dikumpulkan untuk tujuan analisis data. Kaedah pengumpulan data oleh UiTMKDH adalah mengikut jenis data yang dikumpul, kekerapan pengumpulan data, capaian dan kegunaan hasil analisis data yang telah berjaya dikumpulkan. Kaedah pengumpulan data ini diringkaskan dalam **KDHBUKTI 2_K4.3_Kaedah Pengumpulan Data oleh UiTMKDH** sebagai rujukan.

Hasil daripada **analisis** data ini kemudian dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) bagi tujuan **pemantauan** dan pelaporan untuk tindakan selanjutnya di peringkat UiTMKDH (**Rujuk bukti KDHBUKTI 3_K4.3_Lampiran Contoh Data daripada Instrumen Pengukuran oleh UiTMKDH**). Pemantauan dan analisis data ini penting dalam memastikan sebuah pencapaian yang baik dan memuaskan dalam bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB03_20231_KDHBUKTI 1_K4.3_Instrumen Mengukur Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB03_20232_KDHBUKTI 2_K4.3_Kaedah Pengumpulan Data oleh UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB03_20233_KDHBUKTI 3_K4.3_Lampiran Contoh Data daripada Instrumen Pengukuran oleh UiTMKDH.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setiap bahagian dan fakulti dikehendaki mengunjurkan perancangan strategik tahunan berdasarkan dengan Penunjuk Prestasi (PI) yang telah dikeluarkan oleh Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) pada suku pertama 2022. PI berkenaan telah dipersetujui oleh pihak pengurusan tertinggi UiTMKDH.

Pihak fakulti dan bahagian perlu berbincang mengenai program yang bakal dilaksanakan dan mengenalpasti risiko yang ditempuhi. Seterusnya, pihak pengurusan tertinggi UiTMKDH dan penyelar Unit Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) beserta wakil fakulti dan bahagian melakukan pembentangan dan meluluskan pembahagian PI. Oleh itu, pihak wakil fakulti dan bahagian perlu menguar-uarkan hasil dapatan PI yang perlu dilaksanakan.

Sepanjang tahun, proses pemantauan telah dijalankan oleh PSTU UiTMKDH dengan mengumpul maklumat dan memantau status PI pada setiap bulan. Hasil pemantauan peratusan pencapaian PI yang dilakukan setiap bulan ditunjukkan di dalam **KDHBUKTI 1_K4.4.1_Hasil Pemantauan Pencapaian PI**.

Hasil pemantauan telah digunakan untuk mengkaji semula pengurusan melalui pembentangan pencapaian bulanan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) yang dijalankan pada Januari, April, Ogos dan Disember oleh PSTU. PI yang tidak mencapai 50% sasaran apabila melepasi suku kedua (Q2) telah diberi perhatian di dalam mesyuarat ini. Penambahbaikan terhadap perancangan tahunan juga telah dilakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan (MKSP). MKSP ini telah dijalankan pada April dan November (**Rujuk bukti KDHBUKTI 2_K4.4.1_Lampiran Minit Mesyuarat dan Tarikh Mesyuarat Dijalankan**). PJI UiTMKDH juga telah mengadakan beberapa mesyuarat untuk memantau prestasi bahagian untuk mencapai PI yang telah ditetapkan. Mesyuarat ini dijalankan setiap tiga bulan sekali pada Mac, Jun, September dan Disember.

Di peringkat fakulti dan bahagian, semua pensyarah telah diingatkan dan berbincang mengenai PI yang telah dipersetujui dan perkara berbangkit mengenai penambahbaikan yang perlu dilakukan berdasarkan input dalam MPK dan mesyuarat PJI.

Penggunaan sistem secara bersepadu juga telah membantu pihak pengurusan tertinggi universiti memantau dan menganalisa semua data yang diterima bagi tujuan penambahbaikan (**Rujuk bukti KDHBUKTI 3_K4.4.1_Sistem yang Digunakan bagi Tujuan Penambahbaikan**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_A01_AB04_AC01_20231_KDHBUKTI 1_K4.4.1_Hasil Pemantauan Pencapaian PI.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB04_AC01_20232_KDHBUKTI 2_K4.4.1_Lampiran Minit Mesyuarat dan Tarikh Mesyuarat Dijalankan.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB04_AC01_20233_KDHBUKTI 3_K4.4.1_Sistem yang Digunakan bagi Tujuan Penambahbaikan.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMKDH mengenalpasti risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan melalui dua kaedah iaitu risiko program dan risiko operasi. Proses pertama adalah risiko program yang dijalankan melalui PSTU UiTMKDH. Penyelaras memohon pihak fakulti dan setiap bahagian menyenaraikan risiko yang bakal ditempuh. Fakulti dan bahagian/unit menentukan keberangkalian risiko yang akan berlaku, magnitud kesan dan pelan mitigasi dalam menghadapi risiko. Proses kedua adalah risiko operasi. Ia dijalankan oleh Penyelaras Pengurusan Risiko dan Bahagian Pentadbiran UiTMKDH. Penyelaras telah memohon input dari setiap bahagian untuk mengemukakan senarai risiko yang bakal dihadapi pada 2022 dan memasukkan ke dalam sistem eRMS.

Terdapat **beberapa pencegahan risiko telah berjaya dilakukan** oleh UiTMKDH. Bagi risiko program, UiTMKDH telah berjaya menentukan risiko yang bakal dihadapi dan juga merangka langkah pencegahan. Ia dapat dilihat melalui pencapaian sasaran melebihi 100%. Bahagian PJI telah berjaya mencapai target yang memberangsangkan bagi PI79 dan PI77. Kedua-dua PI tersebut mencapai 2,000% dan 409.51% pencapaian pada tahun 2022. Untuk PI79, pelan mitigasi yang telah dicadangkan adalah memahami keperluan komuniti setempat untuk mengenalpasti kumpulan sasaran dan meneruskan proses penyampai pengetahuan melalui perkongsian video. Untuk PI77, program yang telah dijalankan adalah 1 asnaf 1 laptop dan program alumni prihatin. Pelan mitigasi yang dicadangkan adalah melakukan usaha berterusan dalam meningkatkan dan meneroka jaringan kerjasama dengan rakan kerjasama dan juga melakukan usaha berterusan dalam mendekati alumni atau syarikat untuk menaja program.

Selain itu, bahagian MASMED telah mencapai sasaran yang cemerlang bagi PI2I apabila mereka mencapai target sebanyak 312.66%. Pelan mitigasi yang telah dirancang adalah dengan memberi galakan kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan secara maya dan e-dagang. Pencegahan risiko yang telah dijalankan ini berjaya menjadikan Bendahari UiTMKDH berjaya mencapai PI120e sebanyak 239.14% dengan jumlah penajaan berjumlah RM239,141.70 (**Rujuk bukti KDHBUKTI 1_K4.4.2_Laporan Risiko Pencapaian Program PI Melebihi 100%**).

Bagi risiko operasi, terdapat penurunan daftar risiko jika dibandingkan pada tahun sebelumnya iaitu 73 yang didaftar pada tahun 2021 kepada 61 pada tahun 2022. Untuk bidang tumpuan, hanya 3 risiko yang didaftarkan dan 2 daftar merupakan daftar baharu(**KDHBUKTI 2_K4.4.2_Laporan Risiko Pada Tahun 2022**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB04_AC02_20231_KDHBUKTI 1_K4.4.2_Laporan Risiko Pencapaian Program PI Melebihi 100.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB04_AC02_20232_KDHBUKTI 2_K4.4.2_Laporan Risiko Pada Tahun 2022.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan (MKSP) telah dijalankan dua kali setahun iaitu pada bulan April dan November 2022. Pencapaian objektif kualiti dibincangkan dan cadangan penambahbaikan diutarakan. Hasil daripada pemantauan ini, Pengarah Program dan Pengarah Projek yang berkenaan diminta untuk membuat tindakan susulan agar inisiatif strategik yang telah dirancang dilaksanakan secepat mungkin.

Tindakan daripada hasil penganalisan yang diambil dikongsikan kepada warga kampus. PSTU UiTMKDH juga telah mengambil inisiatif dengan menghantar e-mel rasmi kepada semua warga kampus tentang kedudukan semasa PI kampus untuk tindakan **(Rujuk bukti KDHBUKTI 1_K4.4.3_Contoh Hebahan Status Semasa PI kepada Warga Kampus).**

Selain itu, Bahagian MASMED juga telah membuat hebahan menggunakan e-banner melalui laman sesawang rasmi UiTMKDH. E-banner ini bertujuan untuk membuat hebahan mengenai program keusahawanan yang dijalankan **(Rujuk bukti KDHBUKTI 2_K4.4.3_Contoh e-Banner Hebahan Program MASMED).**

Selain itu, Bahagian PJI dan ICAN telah melantik sekurang-kurangnya 2 orang ketua pengurusan untuk setiap fakulti. Wakil fakulti ini telah diberikan tanggung jawab untuk mengemaskini dan menghebahkan sebarang aktiviti dan pencapaian bahagian masing-masing. Wakil pengurusan fakulti tersebut perlu menghadiri mesyuarat bahagian untuk menyusun atur strategi dalam mencapai PI yang telah dirancang **(Rujuk bukti KDHBUKTI 3_K4.4.3_Contoh Surat Pelantikan Ketua Pengurusan ICAN Fakulti).**

Peranan Ketua Pusat Pengajian (KPP) juga tidak dikecualikan. KPP juga memantau keadaan semasa dan membentangkan atau berkongsi sebarang maklumat yang terkini dalam mesyuarat fakulti. Aplikasi WhatsApp digunakan untuk aktiviti penyebaran maklumat kerana aplikasi ini merupakan medium yang sesuai dan digunapakai oleh semua warga kampus **(Rujuk bukti KDHBUKTI 4_K4.4.3_Contoh Hebahan yang Dilakukan di Peringkat Fakulti).**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB04_AC03_20231_KDHBUKTI 1_K4.4.3_Contoh Hebahan Status Semasa PI kepada Warga Kampus.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB04_AC03_20232_KDHBUKTI 2_K4.4.3_Contoh e-Banner Hebahan Program MASMED.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB04_AC03_20233_KDHBUKTI 3_K4.4.3_Contoh Surat Lantikan Ketua Pengurusan ICAN.pdf](#)
4. [K0055_A01_AB04_AC03_20234_KDHBUKTI 4_K4.4.3_Contoh Hebahan yang Dilakukan di Peringkat Fakulti.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memudahkan pengukuran pencapaian PI, proses pengumpulan data dan proses pengukuran data, UiTMKDH telah mengambil inisiatif membangunkan sistem eXtvt. Sistem eXtvt adalah satu inovasi yang dibangunkan pada 2018 untuk mengumpulkan data laporan setiap program yang dijalankan di UiTMKDH. Sistem ini digunapakai oleh warga UiTMKDH di mana semua ketua projek dikehendaki untuk memuat naik laporan program selepas aktiviti dijalankan. Sistem ini adalah lebih mesra pengguna untuk digunakan di mana pengumpulan data adalah lebih sistematik dan teratur serta masa untuk mendapatkan laporan program adalah lebih cepat jika dibandingkan pengumpulan data secara manual.

UiTMKDH juga telah memaksimumkan penggunaan email rasmi dan Whatsapp Groups untuk menerapkan budaya kemaskini data dan hebahan maklumat secara berkala. Medium ini digunakan sebagai peringatan kepada semua warga untuk mencapai PI kampus dan juga pencapaian-pencapaian lain. Selain itu, UiTMKDH juga menerapkan budaya pengumpulan dan pengukuran data dengan menerbitkan laporan tahunan seperti @Kedah, Buletin Galeri Seni Merbok, Laporan Tahunan FSKM dan Accounting Bulletin secara digital. Laporan tahunan secara digital ini dibudayakan bagi membolehkan pihak luar mendapatkan maklumat terkini UiTMKDH (**Rujuk bukti KDHBUKTI 1_K4.5_Antara Amalan Pembudayaan UiTMKDH**).

Media sosial adalah instrumen sangat penting untuk menyalurkan maklumat terkini disamping menjadi repositori kepada sumber maklumat. UiTMKDH telah menggunakan facebook rasmi, Klik Kedah, media tempatan mahupun antarabangsa dan lain-lain instrumen untuk berkongsi maklumat terkini, perkembangan dan pencapaian UiTMKDH kepada warga UiTM dan juga pihak luar.

Secara kesimpulannya, data-data yang diperoleh melalui instrumen pengukuran telah menjadikan UiTMKDH komited dalam melaksanakan pelbagai penambahbaikan bagi membangunkan dan memastikan pencapaian yang cemerlang dapat diberikan terhadap bidang tumpuan. Penambahbaikan ini seterusnya dilaksanakan secara berterusan sehinggalah terhasilnya pencapaian yang lebih baik untuk bidang tumpuan pada masa kini dan masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB05_20231_KDHBUKTI 1_K4.5_Antara Amalan Pembudayaan UiTMKDH.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Staf (akademik dan pentadbiran) merupakan sumber manusia (SM) yang utama di UiTMKDH dan sebagai penggerak organisasi yang menjadi elemen penting dalam membantu UiTMKDH mencapai matlamat yang telah dirancang. **Perancangan (Plan)** SM di UiTMKDH dibuat secara sistematik bagi memastikan penggunaan kepakaran yang optimum dan holistik. UiTMKDH juga sentiasa memberikan penekanan terhadap penglibatan SM dalam bidang tumpuan dengan tema '**UiTM Cawangan Kedah Membudayakan Aktiviti Keusahawanan**'. Aspirasi ini telah dikongsikan oleh pihak pengurusan kepada semua warga UiTMKDH. Sebagai sebuah universiti yang komprehensif, UiTMKDH juga tidak ketinggalan dalam aktiviti penyelidikan dimana pelbagai inovasi telah terhasil dalam bentuk karya penerbitan, geran penyelidikan serta kerjasama dengan agensi dan universiti luar melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU).

UiTMKDH menggalakkan penglibatan semua staf dalam menjayakan program-program bidang tumpuan yang telah dirancang. Secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti kerja dan kreativiti mereka. Dalam proses **pelaksanaan (Do)** projek, UiTMKDH sentiasa memastikan semua kemahiran dan kepakaran yang ada digunakan secara berkesan dan diagihkan dengan teratur bagi memastikan tiada pembaziran berlaku. SM yang berkemahiran, berpengetahuan dan mempunyai kelayakan daripada badan-badan profesional dijadikan sebagai pakar rujuk, fasilitator atau penceramah untuk aktiviti perundingan. Manakala, SM yang mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan dipilih sebagai penasihat yang berkaitan dengan keusahawanan.

Kecemerlangan sesebuah organisasi amat bergantung kepada kecemerlangan SM dalam menambah baik dan memantapkan kompetensi diri. UiTMKDH sentiasa menyediakan peluang latihan kepada SM dengan menganjurkan bengkel, seminar dan menghantar penyertaan untuk latihan yang dianjurkan oleh pihak luar supaya seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. Pemantauan terhadap keberkesanan latihan juga dijalankan bagi memastikan SM mendapat latihan yang sepatutnya, mengelakkan daripada berlakunya pembaziran peruntukan kewangan serta sebagai input untuk perancangan latihan masa hadapan. UiTMKDH juga melaksanakan penilaian potensi dan prestasi bagi mengukur tahap pencapaian prestasi dalam melaksanakan tugas kerana ianya merupakan sumbangan kepada UiTMKDH. **Pemantauan (Check)** prestasi ini dijalankan bagi memastikan prestasi SM sentiasa berada pada tahap yang sepatutnya. Pemantauan ini juga dibuat untuk melihat tahap motivasi serta menjaga kebajikan SM UiTMKDH.

UiTMKDH juga menyediakan pelbagai platform bagi memudahkan SM memberikan maklum balas kepada pihak pengurusan. Platform maklum balas ini bukan sahaja untuk maklum balas perkhidmatan dan fasiliti, malah terdapat juga platform untuk cadangan, aduan, makluman dan pertanyaan. Platform maklum balas secara dalam talian merupakan kaedah yang paling digemari oleh SM di UiTMKDH kerana ianya mudah dicapai dan respon kepada maklum balas juga lebih cepat diterima. Maklum balas yang diterima akan diteliti oleh pihak pengurusan UiTMKDH dengan sebaiknya. Sekiranya maklum balas perlu kepada tindakan selanjutnya, siasatan akan dilakukan dan **tindakan penambahbaikan (Act)** akan dilaksanakan. **Budaya komunikasi secara terbuka**, telus dan saling hormat menghormati antara satu sama lain turut diamalkan dalam usaha untuk membuka ruang kepada penambahbaikan secara berterusan.

UiTMKDH **membudayakan pengiktirafan** kepada setiap kerja keras dan sumbangan SM. Budaya hebahan kejayaan melalui e-mel, laman sesawang dan platform media sosial rasmi dibuat bagi menggambarkan penghargaan tersebut serta sebagai ketampakan kejayaan. Pelbagai majlis meraikan kejayaan staf dan pelajar diadakan sepanjang tahun bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan. Selain pengiktirafan dalaman, pengurusan juga memberi sokongan dalam pengiktirafan yang diterima oleh SM daripada pihak luar.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMKDH mempunyai sumber manusia (SM) seramai 544 orang yang diklasifikasikan kepada staf akademik (302) dan staf pentadbiran (242). Bagi menjayakan bidang tumpuan, seluruh staf memainkan peranan penting dalam proses perancangan, mengurus, mengendalikan serta memantau aktiviti jaringan industri dan keusahawanan. Kaedah pengurusan SM UiTMKDH boleh dirujuk melalui Rajah K5.2(b). PJIM&A dan MASMED merupakan tunjang utama menggerakkan aspirasi bidang tumpuan UiTMKDH. Setiap program yang dicadangkan disemak dengan teliti bagi memastikan program dilaksanakan memberikan impak positif. Bagi memastikan setiap matlamat tercapai, pengurusan membuat pengkhususan bidang tugas, iaitu program jaringan industri diletakkan di bawah ICAN, manakala, program keusahawanan di bawah MASMED. Kedua-dua unit berperanan dalam merancang, menganjur dan memantau aktiviti **(KDHBUKTI 1_K5.2_Pendekatan Pengurusan Sumber Manusia UiTMKDH)**.

Hasil dari perancangan sumber manusia yang sistematik ini, UiTMKDH telah berjaya mengoptimumkan penglibatan SM sehingga ke peringkat antarabangsa. Jadual K5.2(a) dan K5.2(b) menunjukkan senarai penglibatan SM UiTMKDH dalam bidang tumpuan bagi tahun 2022. Pelbagai ganjaran telah diperolehi hasil dari melibatkan diri dengan projek jalinan strategik ini, diantaranya adalah perkongsian pengetahuan yang dibuat melalui kaedah pengajaran (*global learning*), perundingan dan penyelidikan. Selain itu, budaya perkongsian pengetahuan dikalangan SM UiTMKDH juga dibuat menerusi aktiviti keusahawanan staf sejajar dengan aspirasi 'UiTM Cawangan Kedah Membudayakan Aktiviti Keusahawanan' **(KDHBUKTI 2_K5.2_Senarai Penglibatan SM UiTMKDH dalam Setiap Program Utama Bidang Tumpuan)**. Pemilihan SM di dalam setiap program dilaksanakan berdasarkan kapasiti keperluan program untuk mengelakkan pembaziran sumber.

Faktor yang mendorong kepada kejayaan penglibatan SM secara optimum ini adalah melalui pendekatan **Attract** (Galakkan), **Engage** (Libatkan), **Develop** (Bangunkan) dan **Reward** (Imbuan). Bagi mengalakkan penglibatan SM dalam sesuatu program, penganjuran program diuar-uarkan melalui hebahan di laman sesawang, Instagram, Facebook dan WhatsApp. Tujuan hebahan adalah untuk memberi ruang kepada SM yang berminat, berpengetahuan dan berkepakaran untuk menjayakan program **(KDHBUKTI 3_K5.2_Contoh Hebahan Pencarian SM untuk Pelaksanaan Program)**. Latihan merupakan kaedah secara langsung untuk membangunkan dan memotivasikan SM. UiTMKDH secara proaktif menyediakan pelbagai bentuk latihan dalaman dan menggalakkan penyertaan luar bagi peningkatan kompetensi SM **(KDHBUKTI 4_K5.2_Senarai Latihan Berkaitan BT yang Disertai oleh SM UiTMKDH)**.

Setiap pencapaian yang diperolehi oleh SM dihebahkan melalui e-mel rasmi dan juga dimuat naik ke dalam laman sesawang rasmi UiTMKDH. Ini merupakan salah satu medium sokongan dan penghargaan dari pihak pengurusan dalam bentuk hebahan. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat menunjukkan ketampakan kepakaran warga UiTMKDH kepada pihak luar. Penganugerahan juga merupakan salah satu inisiatif yang digunakan untuk penghargaan dan pengiktirafan kepada SM UiTMKDH yang bergiat aktif dalam meningkatkan kecemerlangan diri dan organisasi. Majlis Kemuncak HIK merupakan platform utama untuk penganugerahan di UiTMKDH selain sesi-sesi penyampaian anugerah yang diadakan mengikut keperluan. Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Staf Pentadbiran, Anugerah Kualiti dan Anugerah Kecemerlangan merupakan anugerah yang diadakan pada setiap tahun. Anugerah yang melibatkan BT yang terdapat di dalam anugerah-anugerah ini adalah Inovasi & Pengkomersilan Produk, Pensyarah Aktif (Keusahawanan), Pensyarah Aktif (Kemasyarakatan), Staf Aktif (Keusahawanan) dan Staf Aktif (Kemasyarakatan) **(KDHBUKTI 5_K5.2_Senarai Penghargaan dan Pengiktirafan oleh Pihak Pengurusan kepada SM UiTMKDH)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_S01_SB02_20231_KDHBUKTI 1_K5.2_Pendekatan Pengurusan Sumber Manusia UiTMKDH.pdf](#)

2. [K0055_S01_SB02_20232_KDHBUKTI 2_K5.2_Senarai Penglibatan SM UiTMKDH dalam Setiap Program Utama Bidang Tumpuan.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB02_20233_KDHBUKTI 3_K5.2_Contoh Hebahan Pencarian SM untuk Pelaksanaan Program.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB02_20234_KDHBUKTI 4_K5.2_Senarai Latihan Berkaitan BT yang Disertai oleh SM UiTMKDH.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB02_20235_KDHBUKTI 5_K5.2_Senarai Penghargaan dan Pengiktirafan oleh Pihak Pengurusan kepada SM UiTMKDH.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Tahun 2022, UiTMKDH telah memeterai 32 perjanjian persefahaman (MoU/MoA) bersama pihak universiti, industri, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dari dalam dan luar negara. Hasil inisiatif strategik ini telah memberikan impak yang besar kepada setiap SM di UiTMKDH dari segi perkongsian kepakaran, penyelidikan, inovasi dan keusahawanan **(KDHBUKTI 1_K5.3_Senarai Mou dan MoA Tahun 2022 dan Senarai Pakar Rujuk Tahun 2022)**. Dari segi penyelidikan, wujudnya peluang kolaborasi di peringkat nasional dan antarabangsa melalui penganjuran konferensi, penerbitan dan perundingan. Kenampakan kepakaran di kalangan SM di UiTMKDH dapat dilihat dimana ramai di kalangan staf akademik telah dijemput untuk menjadi pakar rujuk, pakar runding, penceramah dan tenaga pelajar oleh pihak luar. UiTMKDH telah terbukti mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman SM menerusi penawaran khidmat kepakaran dan telah mendapat pengiktirafan sehingga ke peringkat antarabangsa **(KDHBUKTI 2_K5.3_Senarai Pengiktirafan yang Diterima SM UiTMKDH 2022)**.

Jaringan kerjasama industri dengan rakan strategik telah membolehkan UiTMKDH mendapat dana, geran penyelidikan serta mampu meningkatkan aktiviti penjana kewangan. Melalui kerjasama ini, SM dan pihak luar dapat mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman bagi menghasilkan projek atau produk penyelidikan yang berkualiti. Di samping itu, pengalaman yang digunakan dapat meningkatkan kredibiliti dan potensi diri bagi setiap SM yang terlibat **(KDHBUKTI 3_K5.3_Senarai Hasil dari Penerbitan Pensyarah UiTMKDH Tahun 2022)**.

Pengoptimuman kepakaran dan pengalaman SM UiTMKDH dalam menjayakan BT dapat dipenuhi dengan menggalakkan penglibatan pensyarah sebagai penyemak dan penilai kandungan jurnal serta bahasa untuk sesuatu jurnal/artikel dari dalam dan luar negara. Melalui penilaian artikel, SM dapat mengikuti hasil penyelidikan terkini dan membantu SM berfikir secara kritis. Penglibatan SM dalam penilaian jurnal juga membuka peluang kepada UiTMKDH untuk menjalinkan jaringan bersama pihak luar dengan menjadi penilai jemputan untuk jurnal tersebut, penilai jemputan untuk konferensi dan menjadi salah seorang sidang editorial **(KDHBUKTI 4_K5.3_Sumbangan Kepakaran Pensyarah UiTMKDH)**.

UiTMKDH juga telah mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman SM menerusi pelbagai aktiviti inovasi. Aktiviti inovasi merupakan platform terbaik untuk penambahbaikan proses kerja SM agar tugas seharian lebih efektif. Ini terbukti pengurusan UiTMKDH mengoptimumkan SM dengan mengambil kesempatan menyertai pertandingan inovasi seperti KIK, OE dan IIDEX. Inisiatif ini dilihat mampu mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia menerusi hasil kerjasama secara berkumpulan. Pembentangan projek inovasi kepada pihak luar merupakan medium perkongsian terbaik dalam menghasilkan jaringan kerjasama **(KDHBUKTI 5_K5.3_Senarai Inovasi 2022)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB03_20231_KDHBUKTI 1_K5.3_Senarai Mou dan MoA Tahun 2022 dan Senarai Pakar Rujuk Tahun 2022.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB03_20232_KDHBUKTI 2_K5.3_Senarai Pengiktirafan yang Diterima SM UiTMKDH 2022.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB03_20233_KDHBUKTI 3_K5.3_Senarai Hasil dari Penerbitan Pensyarah UiTMKDH Tahun 2022.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB03_20234_KDHBUKTI 4_K5.3_Sumbangan Kepakaran Pensyarah UiTMKDH.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB03_20235_KDHBUKTI 5_K5.3_Senarai Inovasi 2022.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Persekitaran dan sistem kerja yang baik hasil daripada maklum balas dan komunikasi yang baik daripada seluruh warganya. Kepimpinan yang prihatin dan hubungan baik sesama SM dapat mewujudkan suasana kerja yang harmoni. UiTMKDH sentiasa memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan sistem kerja yang produktif melalui pemantauan dan penambahbaikan secara berterusan. Tahap kepuasan hati staf dipantau secara berkala bagi melahirkan staf yang komited and produktif dalam menjalankan tugas.

UiTMKDH menyediakan pelbagai platform bagi mendapatkan maklum balas daripada SM. Antaranya adalah Mesyuarat Pengurusan Kanan (MKP), Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Akademik, saluran media sosial serta sistem dalam talian. Pengukuran tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan di UiTMKDH adalah melalui Borang AMP. SM juga boleh memberikan maklum balas melalui eRespon. eRespon membolehkan SM untuk membuat maklum balas secara dalam talian dan mendapat respon dalam tempoh 3 hari. Maklum balas di dalam eRespon adalah sulit. Oleh itu, SM boleh membuat maklum balas secara jujur dan telus. Borang AMP, eRespon dan beberapa sumber maklum balas lain akan dianalisa setiap 3 bulan oleh semua bahagian/UNIT di UiTMKDH **(KDHBUKTI 1_K5.4.1_Analisa AMP 2022)**.

Di UiTMKDH, setiap program yang dijalankan perlu mendapatkan maklum balas pengendalian dan juga impak program menggunakan Borang Maklum Balas Program. Hasil analisa maklum balas ini digunakan untuk penilaian tindakan penambahbaikan oleh pihak pengurusan. Hasil pemantauan telah digunakan untuk mengkaji semula pengurusan melalui pembentangan dalam MKP. BPF dan BI terlibat dalam menyediakan perkhidmatan dan membuat pemantauan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi keperluan SM. Pengubahsuaian terhadap perancangan tahunan juga telah dilakukan dalam MKSP.

UNITS digunakan oleh SM untuk membuat aduan atau permohonan berkaitan ICT. Kebanyakan aduan berkaitan BT adalah berkenaan capaian rangkaian tanpa wayar, permohonan tele-sidang dan pengurusan aktiviti. WiFi menjadi keperluan kerana terdapat beberapa lokasi keusahawanan yang menggunakan pembayaran secara dalam talian. Permohonan tele-sidang diterima untuk majlis tandatangan MoU/MoA bersama pihak luar, manakala permohonan pengurusan aktiviti adalah untuk rakaman atau siaran secara langsung program-program bersama pihak luar **(KDHBUKTI 2_K5.4.1_Aduan UNITS 2022)**. FMS digunakan oleh SM untuk membuat aduan kerosakan berkaitan fasiliti. Aduan berkaitan BT yang selalu diterima oleh FMS adalah berkenaan masalah berkaitan bekalan elektrik dan kerosakan awam **(KDHBUKTI 3_K5.4.1_Analisa Aduan FMS 2022)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_S01_SB04_SC01_20231_KDHBUKTI 1_K5.4.1_Analisa AMP 2022.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB04_SC01_20232_KDHBUKTI 2_K5.4.1_Aduan UNITS 2022.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB04_SC01_20233_KDHBUKTI 3_K5.4.1_Analisa Aduan FMS 2022.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berdasarkan Panduan Pengurusan Risiko UiTM, impak risiko kepada manusia merujuk kepada tahap kecederaan atau produktiviti PTJ. Mengenal pasti risiko amat penting bagi memastikan UiTMKDH sentiasa bersedia dalam menghadapi ancaman dan cabaran yang mungkin memberikan kesan kepada pencapaian objektif kampus. UiTMKDH mempunyai 3 jawatankuasa yang menguruskan risiko iaitu JOBN, JKKPN dan JPR. Jawatankuasa ini mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri dalam mengkoordinasi fungsi agar proses mengenal pasti dan mengawal risiko dapat dilakukan secara berkesan **(KDHBUKTI 1_K5.4.2_Keahlian Jawatankuasa)**. JOBN bertanggungjawab merencana program dan tindakan bagi mengatasi bencana. JKKPN berfungsi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja tercapai mengikut polisi keselamatan dan kesihatan pekerja UiTM serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Tugas JPR pula adalah memastikan setiap PTJ mengemaskini daftar risiko dari semasa ke semasa **(KDHBUKTI 2_K5.4.2_Laporan JPR 2022)**.

Terdapat beberapa risiko berkaitan bidang tumpuan yang telah dikenal pasti. Pertama adalah risiko pengambilan dan pengekalan SM. Impak bagi risiko pengambilan adalah program tidak dapat dijalankan kerana SM tidak mencukupi. Impak bagi risiko pengekalan adalah kekurangan SM yang mahir serta berpengalaman dan risiko ini menyumbang kepada peningkatan kos program kerana SM yang baharu perlu dihantar untuk menghadiri latihan. Antara langkah pencegahan yang diambil adalah membuat tapisan permohonan dengan menyemak latar belakang SM yang memohon. Langkah lain adalah meminta SM yang mempunyai kursus akademik yang berkaitan untuk mengendalikan program dan ianya dimasukkan sebagai aktiviti kursus tersebut.

Risiko seterusnya adalah berkaitan latihan dan pembangunan SM. Risikonya adalah kekangan peruntukan. Langkah pencegahan yang diambil adalah dengan menyediakan latihan secara dalaman. Penggunaan fasiliti kampus dan melantik staf UiTMKDH yang mahir dan berpengalaman sebagai tenaga pengajar dapat mengurangkan kos latihan dan pembangunan SM **(KDHBUKTI 3_K5.4.2_Jadual Senarai Risiko)**.

SOP iaitu arahan kerja dan garis panduan berkenaan sesuatu tugas juga diwujudkan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan salah faham dan kegagalan mengikut peraturan yang telah disenaraikan. SOP ini menjadi rujukan SM untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Ia juga dijadikan sebagai panduan keselamatan **(KDHBUKTI 4_K5.4.2_SOP)**.

Pematuhan kepada SOP dipantau dari semasa ke semasa kerana terdapatnya pertukaran SM mengikut program. Terdapat SM yang dilantik untuk melaksanakan tugas pemantauan bagi memastikan SOP ini dipatuhi bagi mengelakkan sesuatu yang buruk daripada berlaku **(KDHBUKTI 5_K5.4.2_Lantikan Pemantau)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB04_SC02_20231_KDHBUKTI 1_K5.4.2_Keahlian Jawatankuasa.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB04_SC02_20232_KDHBUKTI 2_K5.4.2_Laporan JPR 2022.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB04_SC02_20233_KDHBUKTI 3_K5.4.2_Jadual Senarai Risiko.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB04_SC02_20234_KDHBUKTI 4_K5.4.2_SOP.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB04_SC02_20235_KDHBUKTI 5_K5.4.2_Lantikan Pemantau.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses kajian semula penambahbaikan adalah bertujuan untuk memastikan kecukupan, kesesuaian dan keberkesanan program bagi menghidupkan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif. UiTMKDH mengambil langkah proaktif dengan membangunkan sistem bersepadu i-kedah dimana terdapat sistem eXtvt di dalamnya. Sistem online ini merupakan platform yang boleh dicapai oleh semua SM UiTMKDH. Sistem ini memudahkan penganjur untuk membuat pelaporan program dan pihak pengurusan boleh memperoleh data untuk semakan dan penganalisaan (**KDHBUKTI 1_K5.4.3_Sistem eXtvt**).

Input seperti kepuasan hati pelanggan, maklum balas program, keputusan pemantauan dan pengukuran dan pencapaian prestasi dibincangkan di dalam mesyuarat peringkat pengurusan agar semua pihak dapat memberikan pandangan untuk kebaikan dan keharmonian semua warga kampus. Hasil analisa diperhalusi dan rumusan dibuat bagi memutuskan tindakan penambahbaikan yang bersesuaian. Siri mesyuarat yang terlibat adalah **JKEN, MPK dan MKSP (KDHBUKTI 2_K5.4.3_Senarai Mesyuarat Pengurusan 2022)**.

MKSP bertujuan untuk menilai peluang penambahbaikan serta keperluan perubahan atau pindaan kepada SPK UiTMKDH. Antara input yang dibincangkan adalah Aduan dan Maklum balas Pelanggan, Status Tindakan Pembetulan dan Pencegahan serta hal-hal yang memberi kesan kepada pengendalian program seperti latihan, kewangan dan persekitaran. MPK merupakan mesyuarat yang penting dalam memastikan hebahan maklumat, aktiviti dan keputusan yang telah dicapai di peringkat JKEN disampaikan kepada semua ketua bahagian atau unit. MPK juga merupakan platform interaksi di antara pihak pengurusan dan pegawai kanan. MPK diadakan setiap 3 bulan sekali dan dipengerusikan oleh Rektor Kampus. Pelbagai agenda yang dibincangkan di dalam MPK, antaranya perkara-perkara yang melibatkan urusan setiap bahagian atau unit serta isu 'cross functional', permohonan dan laporan serta melaporkan semua perjalanan aktiviti bahagian atau unit (**KDHBUKTI 3_K5.4.3_Minit Mesyuarat MPK Bil. 2/2022**).

UiTMKDH menetapkan Mesyuarat Post-mortem perlu diadakan setiap kali program berskala besar dijalankan. Mesyuarat post-mortem ini diadakan untuk mengenal pasti perkara yang baik dan masalah yang timbul agar menjadi panduan kepada pelaksanaan program pada masa akan datang. Melalui mesyuarat ini, penilaian akan dibuat bagi memastikan pelaksanaan program serta peruntukan kewangan yang digunakan mengikut perancangan. Mesyuarat ini juga turut membincangkan maklum balas yang diterima, impak yang diperolehi serta ruang penambahbaikan (**KDHBUKTI 4_K5.4.3_Contoh Mesyuarat Post-mortem**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB04_SC03_20231_KDHBUKTI 1_K5.4.3_Sistem eXtvt.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB04_SC03_20232_KDHBUKTI 2_K5.4.3_Senarai Mesyuarat Pengurusan 2022.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB04_SC03_20233_KDHBUKTI 3_K5.4.3_Minit Mesyuarat MPK Bil. 2_2022.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB04_SC03_20234_KDHBUKTI 4_K5.4.3_Contoh Mesyuarat Post-mortem.pdf](#)
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Budaya komunikasi secara terbuka, telus dan saling hormat menghormati antara satu sama lain dijadikan amalan setiap warga UiTMKDH dalam usaha untuk membuka ruang kepada penambahbaikan secara berterusan. Selain itu, UiTMKDH juga menyokong **cetusan idea, inovasi dan kreativiti** di kalangan warganya. Sistem **eAMP** merupakan salah satu inovasi yang terhasil bagi menguruskan maklum balas daripada sesiapa sahaja berkenaan perkhidmatan di UiTMKDH. Bersesuaian dengan situasi semasa di mana perkhidmatan secara fizikal telah berkurangan kerana kebanyakan proses telah dijalankan secara dalam talian, penggunaan sistem dalam talian ini dapat memudahkan pengguna dan juga pihak pengurusan dalam mengendalikan maklum balas pengguna yang diterima. Sistem ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu penilaian dan maklum balas. Moderator PTJ akan mendapat notifikasi melalui e-mel apabila terdapat maklum balas daripada pengguna. Moderator perlu menjawab maklum balas tersebut dalam tempoh 3 hari. Dengan adanya eAMP, masalah kelewatan memberi respon kepada maklum balas yang diterima telah dapat diatasi. Selain itu, eAMP juga dibangunkan bagi memudahkan moderator PTJ serta Penyelaras AMP menyediakan Laporan Analisa Maklum Balas Pelanggan untuk setiap 3 bulan seperti yang digariskan (**KDHBUKTI 1_K5.5_Tangkap Layar eAMP**).

UiTMKDH **membudayakan pengiktirafan** kepada setiap kerja keras dan sumbangan SM. Budaya hebahan kejayaan melalui e-mel, laman sesawang dan platform media sosial rasmi dibuat bagi menggambarkan penghargaan tersebut serta sebagai ketampakkan kejayaan. Pelbagai majlis meraikan kejayaan staf dan pelajar diadakan sepanjang tahun sebagai tanda sokongan dan penghargaan. Selain pengiktirafan dalaman, pengurusan juga memberi sokongan dalam pengiktirafan yang diterima oleh SM daripada pihak luar. Pengiktirafan tertinggi di peringkat kebangsaan yang diterima oleh warga UiTMKDH adalah melalui Darjah Kebesaran Negeri Kedah. Untuk 2022, Ustaz Burhanuddin Haji Wahab, Pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa telah dikurniakan Ahli Mahkota Kedah (A.M.K) pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah ke-80. Kepakaran beliau juga telah diiktiraf sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Sesi 2022-2023 (**KDHBUKTI 2_5.5_Pengiktirafan Tertinggi Warga UiTMKDH di Peringkat Kebangsaan**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB05_20231_KDHBUKTI 1_K5.5_Tangkap Layar eAMP.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB05_20232_KDHBUKTI 2_5.5_Pengiktirafan Tertinggi Warga UiTMKDH di Peringkat Kebangsaan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMKDH telah mewujudkan proses kerja yang sistematik dan komprehensif melalui penyediaan Prosedur Pengurusan dan Prosedur Operasi. Semua warga kampus yang bertanggungjawab ke atas proses kerja telah dilibatkan semasa pemurnian Prosedur Pengurusan dan Prosedur Operasi. Proses pemurnian mengambilkira situasi terkini bagi memastikan prosedur-prosedur tersebut mencapai semua **Petunjuk Prestasi (PI)** kampus, dan menyokong pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik** bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**.

UiTMKDH sentiasa komited memastikan keberkesanan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penambahbaikan berterusan dilaksanakan untuk memastikan kejayaan semua program atau aktiviti yang telah dirancang. Penglibatan setiap bahagian di dalam UiTMKDH, termasuk PJIMA, ICAN, MASMED, HEA, HEP, fakulti-fakulti, dan unit-unit lain, merupakan elemen penting dalam memastikan bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** dijalankan dengan **kesan maksimum**. Dalam usaha mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan strategik, UiTMKDH telah menetapkan keperluan untuk sistem pengurusan kualiti organisasi menggabungkan kitaran **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** untuk penambahbaikan yang berterusan. Dalam konteks pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik** untuk bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**, proses pelaporan projek seperti MoU dan MoA untuk jaringan industri and aktiviti-aktiviti di bawah keusahawanan berperanan penting. Proses ini berfungsi sebagai mekanisme utama untuk memastikan kesan dan keberkesanan pelaksanaan projek tetap di tahap yang tinggi, demi mencapai kelestarian objektif strategik yang telah ditetapkan.

Proses perancangan dalam UiTMKDH merangkumi perancangan sistematik yang berasaskan kepada proses utama yang berkaitan dengan peningkatan graduan keusahawanan, hubungan industri, dan pembangunan staf. Proses-proses ini mencakupi **pelaksanaan program** seperti Nescafe Hub, UniMAIL, dan Batik Merbok, serta kerjasama dengan industri dan institusi akademik. Pendekatan **PDCA** diterapkan dalam setiap proses utama ini untuk memastikan pelaksanaan yang lancar dan berkesan. UiTMKDH turut mementingkan **kolaborasi** dan **perkongsian kepakaran** dengan pelbagai pihak, termasuk jaringan industri antarabangsa dan universiti luar negara. Inisiatif seperti projek Batik Merbok, projek penanaman nanas, dan kerjasama dengan Toshiba adalah contoh kejayaan dalam mengaplikasikan **model PDCA** dalam perkongsian kepakaran.

Pemantauan dan pengurusan risiko menjadi aspek penting dalam memastikan keberhasilan operasi. UiTMKDH secara berterusan mengenal pasti risiko dan menjalankan analisis risiko melalui sistem eRMS. Pendekatan ini melibatkan pengurusan risiko dalam program-program bidang tumpuan yang dijalankan, termasuk langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan.

Analisis hasil dan tindakan penambahbaikan merupakan komponen penting dalam merancang kesinambungan operasi. UiTMKDH melakukan analisis terperinci untuk mengenal pasti kelemahan dan kejayaan dalam pelaksanaan program. Melalui jawatankuasa program, cadangan penambahbaikan dihasilkan dan dilaksanakan dengan pengawasan teliti.

Pembudayaan inovasi juga diberi penekanan dalam UiTMKDH. Sistem eXtvt diwujudkan sebagai **medium pengumpulan maklumat** program-program dan perkongsian maklumat dalam kampus. Langkah-langkah untuk memastikan kelangsungan maklumat berkenaan program melibatkan penglibatan warga kampus dan masyarakat luar melalui platform Klik Kedah. UiTMKDH juga mengukur prestasi dengan menggunakan PI dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan pencapaian objektif strategik. Keseluruhannya, UiTMKDH telah memperoleh kejayaan dalam melaksanakan **inisiatif dan objektif strategik** dalam bidang tumpuan melalui pendekatan bersepadu yang berlandaskan **model PDCA**. Dengan adanya proses kerja yang berkualiti, ianya dapat memberi manfaat kepada warga kampus serta

pemegang taruh sebagai lambang kejayaan penganjuran sesuatu program yang melibatkan **Jaringan Industri dan Keusahawanan.**

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Operasi di UiTMKDH merangka satu perancangan sistematik berdasarkan kepada proses-proses utama yang bertujuan untuk menyokong objektif serta inisiatif strategik dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Proses-proses utama ini menumpukan kepada pengukuhan jaringan industri, serta peningkatan bakat, kemahiran, dan profesionalisma dalam kalangan staf di UiTMKDH, dan graduan dalam bidang keusahawanan.

Proses utama yang melibatkan proses jalinan jaringan industri dan prosedur operasi keusahawanan dipetakan berdasarkan **objektif dan inisiatif** bidang tumpuan UiTMKDH (**KDHBUKTI 1_K6.2_Pemetaan Proses Utama mengikut objektif strategik**). Proses-proses utama ini mencakup operasi jalinan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** yang melibatkan:

1. Kerjasama melalui MoA/MoU/Geran/Aktiviti kemasyarakatan bersama industri, institusi akademik, badan kerajaan, dan komuniti telah disusun semula.
2. Aktiviti pelajar seperti pengoperasian Nescafe Hub dan Operasi UniMAIL.
3. Pengoperasian Kiosk Pewani untuk tujuan penjualan makanan.
4. Pengoperasian Batik Merbok.

Tidak hanya itu, terdapat juga proses utama lain yang turut menyokong operasi serta pelaksanaan **objektif dan inisiatif** bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** di UiTMKDH. Keseluruhannya, melibatkan sembilan (9) proses asas yang disusun secara teliti (**KDHBUKTI 2_K6.2_Proses Utama Menyokong Pelaksanaan Objektif Strategik**).

Pendekatan pengaplikasian **model PDCA** (Plan, Do, Check, Action) diterapkan dalam setiap proses kerja utama bagi setiap program yang dijalankan di UiTMKDH (**KDHBUKTI 3_K6.2_Pengaplikasian Model PDCA dalam Proses Kerja Utama**). Semua langkah ini berfungsi untuk memastikan bahawa pelaksanaan dan pencapaian objektif strategik berjalan dengan lancar dan berkesan.

UiTMKDH juga terus berusaha **meningkatkan** tahap penglibatan para pensyarah dalam program-program jaringan kolaborasi dengan entiti tempatan dan antarabangsa. Pelbagai Memorandum Persefahaman (MoU) telah berjaya ditandatangani dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan **kualiti** serta **kecemerlangan** para pensyarah di UiTMKDH. Sejar dengan arahan universiti, Kepimpinan Kanan UiTMKDH sentiasa memberikan sokongan dan galakan kepada warga UiTMKDH untuk menerapkan budaya kerjasama dan kolaborasi. Semua usaha ini tidak hanya berlaku di peringkat negara, tetapi turut melibatkan entiti di peringkat antarabangsa, menjadikan UiTMKDH semakin relevan dan berdaya saing dalam arena global.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_O01_OB02_20231_KDHBUKTI 1_K6.2_Pemetaan Proses Utama mengikut objektif strategik.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB02_20232_KDHBUKTI 2_K6.2_Proses Utama Menyokong Pelaksanaan Objektif Strategik.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB02_20233_KDHBUKTI 3_K6.2_Pengaplikasi Model PDCA dalam Proses Kerja Utama.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Rajah 6.3(a) memperlihatkan ringkasan pengaplikasian **model PDCA** yang digunakan dalam program yang terlibat dalam **Jaringan Industri dan Keusahawanan**, sama ada di peringkat kampus, universiti, kebangsaan, mahupun antarabangsa (**KDHBUKTI 1_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA dalam Proses Kerja Utama**). Penggunaan model ini sangat penting untuk memastikan setiap program yang dijalankan mencapai piawaian yang ditetapkan oleh UiTMKDH. Ia memberikan panduan kepada warga UiTMKDH dalam menerapkan **inovasi** ke atas proses kerja yang digunakan untuk penambahbaikan serta peningkatan berterusan dalam kecemerlangan dan keberkesanan operasi program **Jaringan Industri dan Keusahawanan** yang dirancang dan dilaksanakan. **Model PDCA** dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu melibatkan aktiviti keusahawanan, melibatkan perkongsian kepakaran, dan melibatkan proses kolaborasi industri dan institusi akademik

MODEL PDCA MELIBATKAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN

Prosedur keusahawanan juga melibatkan pelaksanaan aktiviti keusahawanan yang melibatkan MASMED. Antara aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dikaitkan dengan MASMED adalah NYEP dan UniMAIL. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk menghasilkan graduan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan. Sebagai contoh, projek NYEP memberikan pelajar-pelajar UiTMKDH **pengalaman langsung** dalam mengendalikan perniagaan. Pelajar diberikan modal permulaan (*start-up capital*) untuk membangun dan mengurus sebuah *Nescafe Hub* di dalam kampus. Sementara itu, projek UniMAIL diurus oleh pelajar-pelajar yang diambil sebagai usahawan. Langkah ini sekali lagi menunjukkan komitmen UiTMKDH dalam memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar. **Model PDCA** pula merangkumi proses pelaksanaan aktiviti pelajar yang bergerak ke arah keusahawanan (**KDHBUKTI 2_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Aktiviti Keusahawanan**).

MODEL PDCA MELIBATKAN PERKONGSIAN KEPAKARAN

Manakala bagi aktiviti melibatkan perkongsian kepakaran, inisiatif projek Batik Merbok dan Nanas dipilih untuk melihat kepada proses **PDCA**. Sebagai contoh, Batik Merbok adalah produk dan **inisiatif** keusahawanan yang dihasilkan oleh UiTMKDH dan telah dipersembahkan kepada kerabat diraja serta **telah mula dipasarkan** ke luar negara. Selain itu, Galeri Batik Merbok telah dinaiktaraf sebagai tanda sokongan UiTMKDH terhadap projek keusahawanan bagi pasaran dalam dan luar negara dan mendapat pengiktirafan "GOOD MARK DESIGN". Jalinan kerjasama telah dimeterai bersama International Balkan University, North Macedonia dalam penganjuran International Conference of Social Sciences and Humanities 2022 dan juga penganjuran projek kolaborasi pameran seni antarabangsa "Merging of Two Cultures Through Visual Art". Projek penanaman nanas merupakan salah satu inisiatif di bawah program MyAgrosis yang dibuat bagi menyambut seruan universiti untuk menjana pendapatan yang tinggi. Kerjasama bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan UiTM Melaka diwujudkan bagi membantu proses pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan projek ini (**KDHBUKTI 3_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Perkongsian Kepakaran**).

MODEL PDCA MELIBATKAN PROSES KOLABORASI INDUSTRI DAN INSTITUSI AKADEMIK

Seterusnya, prosedur kolaborasi industri dan institusi akademik turut melibatkan aktiviti bersama Balkan, Toshiba, Zakat dan iCEBIV 2022. Antara contoh inisiatif di bawah proses ini

adalah penganjuran ICEBIV 2022. ICEBIV 2022 merupakan inisiatif UiTMKDH dalam menyokong dan menggalakkan aktiviti keusahawanan antarabangsa disamping **mewujudkan kolaborasi** bersama universiti luar negara. Selain itu, jalinan kerjasama industri dalam penyelidikan antara UiTMKDH dengan Toshiba International Foundation (TIFO) merupakan suatu pencapaian yang besar kerana UiTMKDH merupakan satu-satunya universiti di Malaysia dan di peringkat Asia yang memenangi geran bagi kategori kesenian dan kebudayaan (**KDHBUKTI 4_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Proses Kolaborasi Industri dan Institusi Akademik**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB03_20231_KDHBUKTI 1_K6.3_Pengaplikasi Model PDCA dalam Proses Kerja Utama.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB03_20232_KDHBUKTI 2_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Aktiviti Keusahawanan.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB03_20233_KDHBUKTI 3_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Perkongsian Kepakaran.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB03_20234_KDHBUKTI 4_K6.3_Pengaplikasian Model PDCA melibatkan Proses Kolaborasi Industri dan Institusi Akademik.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam konteks UiTMKDH, adalah penting untuk merancang hasil jangkaan terhadap pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik** dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan kelestarian pencapaian yang berkesan dalam melaksanakan inisiatif tersebut. Dengan merancang hasil jangkaan yang tepat, UiTMKDH dapat memastikan bahawa pelaksanaan **objektif dan inisiatif strategik** yang dilaksanakan memberikan **impak positif** dan keberlanjutan terhadap perkembangan dan pencapaian dalam bidang **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Rajah 6.4.1(a) menunjukkan hasil jangkaan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik (**KDHBUKTI 1_K6.4.1_Hasil Jangkaan Pelaksanaan Objektif dan Inisiatif Strategik**). Dengan mengikuti semua proses ini, UiTMKDH akan dapat mencapai keberhasilan yang berterusan dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik. Ini akan membantu institusi meningkatkan kualiti program, keberlanjutan pencapaian, serta meningkatkan reputasi dan daya saing di peringkat global

UiTMKDH maklum bahawa persekitaran dalaman dan faktor luaran banyak mempengaruhi perjalanan serta pengurusan program bidang tumpuan yang dijalankan serta kesannya terhadap pelbagai sumber yang berada dalam kawalan seperti sumber manusia dan implikasi kewangan yang berkaitan. Oleh yang demikian, **perancangan dan pemantauan** dari semasa ke semasa dilakukan bagi mengenal pasti ruang dan peluang penambahbaikan dengan lebih sistematik. Pemantauan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pelaksanaan program dan mengenalpasti perkara-perkara yang perlu ditambahbaik bagi mencapai objektif dan hasil yang dirancang.

Sebagai contoh, MAMSED mempunyai lima penyelaras bagi memantau semua aktiviti keusahawanan di dalam UiTMKDH (**KDHBUKTI 2_K6.4.1_Carta Organisasi MASMED, UiTMKDH**). Keberhasilan operasi UiTMKDH jelas dilihat dengan pencapaian objektif MASMED untuk mendedahkan para pelajar kepada keusahawanan. Para pelajar tidak putus untuk melibatkan diri dalam program-program yang telah dijalankan setiap semester. Setiap pelajar juga harus mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak MASMED dalam aktiviti keusahawanan. Sebagai contoh, pelajar yang menyertai NYEP haruslah mendapatkan suntikan tifoid selain perlu mematuhi segala peraturan yang telah digariskan oleh pihak NESCAFE dan MASMED (**KDHBUKTI 3_K6.4.1_SOP NYEP**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_O01_OB04_OC01_20231_KDHBUKTI 1_K6.4.1_Hasil Jangkaan Pelaksanaan Objektif dan Inisiatif Strategik.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB04_OC01_20232_KDHBUKTI 2_K6.4.1_Carta Organisasi MASMED. UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB04_OC01_20233_KDHBUKTI 3_K6.4.1_SOP NYEP.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan keperluan dan kesinambungan pelaksanaan operasi bidang tumpuan, **pengurusan risiko** merupakan aspek pengurusan yang sangat penting sebagai panduan bagi mengelak atau **meminimalkan potensi risiko** kepada semua perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Dalam merangka pelan pengurusan risiko bagi program-program bidang tumpuan yang dilaksanakan, senarai daftar risiko yang didapati daripada eRMS telah menjadi rujukan utama. Pelan pengurusan risiko juga telah dirangka bersesuaian dengan hala tuju strategik kampus bagi memastikan sistem penyampaian yang cekap telus dan mesra terlaksana. Rajah 6.4.2(a) merupakan carta alir bagi proses pendaftaran risiko melalui eRMS oleh Penyelaras Risiko (**KDHBUKTI 1_K6.4.2_Carta Alir Proses Pendaftaran Risiko**).

Secara keseluruhannya, sehingga tahun 2022, terdapat 61 risiko berkaitan dengan operasi telah didaftarkan di UiTMKDH dan 3 daripadanya berkaitan dengan operasi **Jaringan Industri dan Keusahawanan (KDHBUKTI 2_K6.4.2_Laporan Daftar Risiko Tahun 2022)**. Mekanisme pengurusan risiko di UiTMKDH dilakukan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang ditunjangi oleh Penyelaras Pengurusan Risiko dan dibantu oleh wakil-wakil daripada setiap unit, bahagian dan fakulti di UiTMKDH. Jawatankuasa ini bertindak sebagai pemantau dan mengawal selia pengurusan risiko bagi setiap proses dan operasi program bidang tumpuan yang dilaksanakan. Selain itu, peranan utama Jawatankuasa ini ialah untuk membantu dalam menyelia operasi Pengurusan Risiko, mengenal pasti ketepatan perancangan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan risiko atau penambahbaikan yang diambil dalam usaha untuk mencapai hasil untuk kepuasan pelanggan. Rajah 6.4.2(b) menunjukkan carta alir pengoperasian pengurusan risiko UiTMKDH (**KDHBUKTI 3_K6.4.2_Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTMKDH**).

Secara keseluruhannya, pengurusan risiko melibatkan proses merangka dan mendokumentasikan pelan tindakan yang menjelaskan bagaimana untuk mengendalikan risiko tersebut, serta menetapkan pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memantau Pelan Pengurusan Risiko yang berkaitan. Selain itu, pelan ini juga bertujuan untuk mengelakkan ketidakpuasan pelanggan dan menerapkan langkah berjaga-jaga agar aktiviti yang dilakukan dapat mengurangkan risiko yang ada. Rajah 6.4.2(c) menggambarkan proses penilaian risiko yang disusun oleh Unit Pengurusan Risiko dan diaplikasikan dalam semua bahagian sistem UiTMKDH (**KDHBUKTI 4_K6.4.2_Proses Penilaian Risiko**). Sementara itu, Jadual 6.4.2(d) menunjukkan beberapa risiko yang berkaitan dengan operasi yang telah didaftarkan dalam konteks bidang tumpuan (**KDHBUKTI 5_K6.4.2_Daftar Risiko berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB04_OC02_20231_KDHBUKTI 1_K6.4.2_Carta Alir Proses Pendaftaran Risiko.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB04_OC02_20232_KDHBUKTI 2_K6.4.2_Laporan Daftar Risiko Tahun 2022.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB04_OC02_20233_KDHBUKTI 3_K6.4.2_Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTMKDH.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB04_OC02_20234_KDHBUKTI 4_K6.4.2_Proses Penilaian Risiko.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB04_OC02_20235_KDHBUKTI 5_K6.4.2_Daftar Risiko berkaitan Jaringan Industri dan Keusahawanan.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi, penting bagi organisasi untuk menjalankan analisis menyeluruh terhadap tumpuan operasi yang dilaksanakan. Dengan menganalisis secara terperinci, organisasi dapat mengenal pasti bidang yang memerlukan peningkatan, mengatasi kelemahan yang ada, dan mengambil tindakan untuk memastikan operasi berjalan dengan **lebih lancar** dan **efisien**. Dalam konteks ini, hasil penganalisan tumpuan operasi memainkan peranan penting dalam menentukan **langkah-langkah penambahbaikan** yang perlu diambil. Melalui pendekatan yang sistematik dan teliti, organisasi dapat merancang tindakan peningkatan yang tepat dan berterusan untuk memastikan operasi mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi dan memberikan hasil yang lebih bermakna

UiTMKDH komited dan berterusan mengesan peluang serta melaksanakan perbaikan bagi mencapai visi, misi, dan objektif yang ditetapkan. Rajah 6.4.3(a) memperlihatkan proses kaji semula dan penambahbaikan yang digunakan dalam pelaksanaan pelbagai program bidang tumpuan di UiTMKDH (**KDHBUKTI 1_K6.4.3_Tindakan Kaji Semula Dan Penambahbaikan**). Proses ini bermula dengan mengenal pasti kelemahan dalam operasi program bidang tumpuan. Jawatankuasa program, sama ada di peringkat persatuan pelajar, Jabatan, Bahagian, atau Fakulti, bertindak sebagai 'pegawai penyiasat' untuk mencadangkan penambahbaikan bagi sebarang kelemahan yang timbul. Setiap cadangan kemudian dibawa kepada jawatankuasa program atau pengarah projek untuk mendapatkan persetujuan sebelum langkah penambahbaikan dilaksanakan. Bagi mengukur keberkesanan langkah-langkah penambahbaikan yang diambil, pemantauan dijalankan secara teliti oleh jawatankuasa program dengan membandingkan hasil sebelum dan selepas pelaksanaan penambahbaikan. Kemudian, laporan disiapkan dan dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat program, Jabatan, Bahagian, Fakulti, MPK, dan Audit Kualiti sebelum proses penambahbaikan dilanjutkan melalui audit berperingkat yang diarah oleh Ketua Setiausaha Audit UiTMKDH.

Selain itu UiTMKDH juga membuat penilaian terhadap hasil pelaksanaan untuk beberapa program seperti di Jadual 6.4.3(b). Setelah melaksanakan program, hasil penganalisan menunjukkan bahawa matlamat yang ditetapkan telah dicapai dengan berjaya. Prestasi pelajar dan staf dalam program meningkat secara ketara dan memberikan **impak positif** terhadap kemajuan mereka. Bagi meningkatkan lagi pelaksanaan pada masa depan, beberapa tindakan penambahbaikan telah dikenal pasti. Tindakan ini termasuk langkah-langkah untuk lebih **meningkatkan hebahan** mengenai program kepada pelajar dan menyediakan sokongan tambahan untuk penglibatan mereka. Dengan cara ini, diharapkan program akan terus berjaya memberi manfaat yang lebih besar pada masa akan datang (**KDHBUKTI 2_K6.4.3_Analisis Hasil Pelaksanaan Program dan Tindakan Penambahbaikan**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB04_OC03_20231_KDHBUKTI 1_K6.4.3_Tindakan Kaji Semula Dan Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB04_OC03_20232_KDHBUKTI 2_K6.4.3_Analisis Hasil Pelaksanaan Program dan Tindakan Penambahbaikan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam konteks pelaksanaan tindakan penambahbaikan dalam bidang tumpuan yang telah dipilih, perubahan yang diperolehi tidak terhenti hanya pada aspek operasi semata-mata. Sebaliknya, ianya membentuk satu tahap **pembudayaan baru** di dalam organisasi di UiTMKDH. Tahap pembudayaan ini merupakan refleksi daripada pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang berjaya dilaksanakan. Dalam bahagian ini, akan diberikan gambaran lebih mendalam mengenai pembudayaan yang terhasil daripada tindakan penambahbaikan dan bagaimana ianya mempengaruhi keseluruhan objektif dan inisiatif strategik yang telah digariskan (**KDHBUKTI 1_K6.5_Tahap pembudayaan yang terhasil di peringkat UiTMKDH, antara UiTM, Nasional dan Antarabangsa**).

Untuk membolehkan penambahbaikan berterusan, pelbagai sistem telah dibangunkan oleh UiTMKDH untuk memberi peluang kepada semua pihak yang terlibat memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kampus. Sebagai contoh, borang penilaian program diberikan kepada peserta-peserta program yang terlibat bertujuan untuk penambahbaikan program (**KDHBUKTI 2_K6.5_Borang Maklum Balas (NYEP)**). Laporan penilaian dan penyemakan program yang dihasilkan daripada analisis borang penilaian program menentukan samada semakan semula perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan program di masa akan datang. Selain itu, UiTMKDH telah membangunkan sistem eXtvt sebagai satu **medium pengumpulan maklumat** program-program yang dijalankan di UiTMKDH dan **medium perkongsian maklumat** dalam kampus. Proses pendokumentasian program-program yang dijalankan oleh UiTMKDH dalam sistem eXtvt telah dimulai sejak 2018. Rajah 6.5(b) menunjukkan carta alir proses eXtvt (**KDHBUKTI 3_K6.5_Carta Alir Proses eXtvt**). UiTMKDH juga sentiasa memastikan setiap program yang dijalankan oleh warganya sentiasa **diwar-warkan**, bukan sahaja dikalangan warga kampus, tetapi juga dikalangan masyarakat luar. Jadi, bagi memastikan kelangsungan maklumat berkenaan program, dan juga sebagai **medium pemasaran** kepada kampus, setiap perancangan projek telah diwar-warkan melalui Klik Kedah di website UiTMKDH. Sebarang perkongsian di Klik Kedah ini adalah di bawah kelolaan Unit Komunikasi dan Korporat UiTMKDH dengan dibantu oleh jawatankuasa pelaksana program/projek yang dijalankan (**KDHBUKTI 4_K6.5_Klik Kedah**).

Beberapa PI telah ditetapkan bagi mengukur hasil dan keberkesanan semua program yang dilaksanakan supaya berada pada tahap yang tinggi dan menjamin kelestarian pencapaian objektif strategik. Penyelaras BTU UiTMKDH juga telah mengambil inisiatif dengan **menghantar e-mel kepada semua warga kampus** tentang PI yang ditetapkan serta kedudukan semasa PI untuk tindakan (**KDHBUKTI 5_K6.5_Pi yang ditetapkan**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB05_20231_KDHBUKTI 1_K6.5_Tahap pembudayaan yang terhasil di peringkat UiTMKDH. antara UiTM, Nasional dan Antarabangsa.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB05_20232_KDHBUKTI 2_K6.5_Borang Maklum Balas \(NYEP\).pdf](#)
3. [K0055_O01_OB05_20233_KDHBUKTI 3_K6.5_Carta Alir Proses eXtvt.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB05_20234_KDHBUKTI 4_K6.5_Klik Kedah.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB05_20235_KDHBUKTI 5_K6.5_Pi yang ditetapkan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Aktiviti Keusahawanan Melibatkan Kelab MASMED UiTMKDH, Batik Merbok, Projek Nanas, Dan Kiosk PEWANI

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bidang tumpuan pilihan UiTMKDH iaitu Jaringan Industri dan Keusahawan selari dengan visi dan misi UiTMKDH iaitu menjadi universiti yang terkenal dalam bidang sains, teknologi dan keusahawanan. **Pelbagai inisiatif dilaksanakan**, dibuktikan dengan **peningkatan bilangan petunjuk prestasi (PI)** dalam aktiviti **melibatkan keusahawanan** iaitu dari 3 PI pada tahun sebelumnya kepada 6 PI pada 2022. UiTMKDH terbukti berjaya mencapai kesemua sasaran yang telah ditetapkan di mana **hasil pencapaian** daripada tiga PI yang disasarkan adalah **melebihi sasaran**. **Tren positif** dapat dilihat menerusi aktiviti di bawah kelolaan MASMED dan PEWANI UiTMKDH di mana **hasil pencapaian dilihat dari sudut sumber manusia, operasi dan proses mencapai sasaran** yang ditetapkan. UiTMKDH turut mengambil langkah proaktif dalam menjayakan aktiviti bidang tumpuan. **Perbandingan antara universiti di dalam UiTM serta organisasi dalam negara** telah dilaksanakan agar UiTMKDH sentiasa bergerak lebih maju ke hadapan. **Hasil dan impak positif** melalui bidang keusahawanan ini dapat dilihat melalui pelaksanaan inisiatif dan kerjasama antara universiti, industri dan masyarakat di peringkat **nasional mahupun antarabangsa**. Antara pelanggan yang dikenal pasti adalah pelajar, staf, masyarakat setempat dan industri.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0055_HB02_20231_7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0055_HB03_20232_7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0055_HB04_20233_7.1.4 PERBANDINGAN_TANDA ARAS.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0055_HB05_20234_7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Jaringan Industri UiTMKDH

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2022, UiTMKDH memberi tumpuan terhadap aktiviti jaringan industri dan keusahawanan selari dengan visi dan misi UiTMKDH. Inisiatif strategik menjadi terus dan terus diberikan penekanan bagi mencapai bidang tumpuan pilihan. Ini dilihat melalui peningkatan bilangan petunjuk prestasi (PI) dalam aktiviti melibatkan jaringan industri dan keusahawanan iaitu peningkatan kepada 11 PI ICAN, 6 dari PI RMU dan 2 PI BHEA bagi tahun 2022. Sepanjang tahun 2022, UiTMKDH telah berjaya memeterai 12 perjanjian dan persefahaman baharu (MOU dan MOA) bersama pihak industri dan universiti dari dalam dan luar negara. Melalui jaringan ini UiTMKDH telah berjaya mendapatkan dana, berjaya menghasilkan penerbitan bersama rakan strategik dan mampu melaksanakan sesi perkongsian ilmu bersama pihak yang berkepentingan. Selain daripada itu, hasil jaringan industri telah membuka peluang kepada warga UiTMKDH untuk mengembangkan kepakaran disamping memberi khidmat kepada masyarakat setempat dan antarabangsa.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0055_HB02_20231_7.2.2 TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0055_HB03_20232_7.2.3 TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0055_HB04_20233_7.2.4 PERBANDINGAN_TANDA ARAS.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0055_HB05_20234_7.2.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Kewangan bagi Program Keusahawanan dan Prestasi Kewangan bagi Jaringan Industri

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil prestasi kewangan bagi bidang tumpuan pilihan diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu **hasil kewangan menerusi inisiatif keusahawanan** dan **inisiatif geran/MOU/MOA**. Sepanjang tahun 2022, Pengurusan Kanan UiTMKDH menyokong pelbagai inisiatif keusahawanan dan jaringan industri kampus. Ini dapat dilihat melalui petunjuk prestasi (PI), dimana 3 PI pada tahun 2022 yang disasarkan **telah berjaya dicapai dan melebihi sasaran**. Selain itu, pihak pengurusan juga telah meluluskan sejumlah peruntukan sebagai modal permulaan penjana pendapatan melalui keusahawanan agro tani serta menyediakan kemudahan ruang niaga yang kondusif untuk pelaksanaan aktiviti keusahawanan. Di samping itu, perolehan geran dan dana dari jaringan industri membuktikan PI kampus mampu tercapai. **Tren positif** dapat diperhatikan melalui hasil keusahawanan menerusi aktiviti anjuran **MASMED, PEWANI UiTMKDH, Batik Merbok** dan aktiviti **penanaman nanas**. Manakala, dari sudut jaringan industri juga turut mencatatkan **peningkatan tren positif** melalui perolehan geran/MOU/MOA dimana telah **mencapai sasaran** bidang tumpuan yang ditetapkan. Hasil perbandingan di antara universiti di dalam UiTM dan organisasi dalam negara telah menunjukkan bahawa UiTMKDH telah **terkehadapan** dalam penjana pendapatan melalui Nescafe Hub dan perolehan geran. Hasil dari segi kewangan melalui pelaksanaan inisiatif dan kerjasama antara universiti, industri dan masyarakat juga telah memberi **impak positif** di peringkat nasional dan antarabangsa.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0055_HB02_20231_7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0055_HB03_20232_7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0055_HB04_20233_7.3.4 PERBANDINGAN_TANDA ARAS.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0055_HB05_20234_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)